



● BIL 291 ● 6 - 12 DISEMBER 2024 ● PP19441/12/2018 (035014)

# WILAYAHKU

[www.wilayahku.com.my](http://www.wilayahku.com.my)



## MENANTI SENYUM

# DISEMBER

PENJAWAT AWAM NAIK GAJI

>> 2-4

Cabaran Vivian hadapi  
isu ESS Zone, PATI  
>> 6

Gelandangan  
catat penurunan  
>> 7

Toksik di tempat  
kerja  
>> 9 - 11

# Angkat martabat kakitangan bergaji rendah

**KENAIKAN** gaji penjawat awam bermula 1 Disember lalu amat dihargai dan disambut baik oleh golongan pendidik.

Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Semenanjung Malaysia (NUTP), **Fouzi Singon** berkata pihaknya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana telah meluluskan kenaikan gaji penjawat awam dan mengekalkan *timebase* kepada kaum guru.

"Kenaikan ini sudah tentunya amat dihargai oleh semua penjawat

awam terutama golongan pendidik yang merupakan kumpulan yang paling ramai dalam sektor awam.

"Pelaksanaan Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) merupakan satu komitmen kerajaan untuk menghargai sumbangan penjawat awam dalam membantu mengurus dan menyediakan sumber tenaga manusia bagi kemajuan ekonomi



FOUZI

negara pada masa hadapan," katanya.

Sebelum ini, seramai 85 peratus penjawat awam dilaporkan sudah menandatangi opsyen SSPA, empat hari sebelum ia berakhir pada Jumaat lalu.

Pelaksanaan SSPA yang menggantikan Skim Saran Malaysia (SSM) mulai 1 Disember 2024 menyaksikan kumpulan pelaksana menikmati pelarasan gaji tertinggi

sehingga 42.7 peratus manakala tujuh peratus bagi kumpulan pengurusan tertinggi.

Mengulas lanjut, katanya, SSPA adalah sistem saraan yang menyeluruh dan mengangkat martabat penjawat awam terutama bagi mereka yang selama ini mendapat gaji di bawah RM1,700.

Pada 2 Disember lalu, Anwar menggesa penjawat awam meningkatkan prestasi selaras dengan kenaikan gaji pada bulan ini susulan pelaksanaan SSPA yang berkuat kuasa pada 1 Disember lalu.

Beliau berkata, prestasi

cemerlang diperlukan memandangkan rakyat mengharapkan perkhidmatan yang lebih baik daripada sektor awam.

Anwar yang juga Menteri Kewangan menegaskan kerajaan bersetuju dengan pelaksanaan kenaikan gaji yang bertujuan mengiktiraf kakitangan penjawat awam.

Kenaikan gaji itu juga adalah sesuatu yang adil untuk diberikan namun rakyat sentiasa mahu melihat perubahan pada seluruh sistem perkhidmatan awam sama ada peringkat akar umbi mahupun kementerian. 

## Kenaikan gaji penjawat awam

# RAKYAT, INDUSTRI KONGSI HARAPAN

LAPORAN: AINI MAWAWI, AZLAN ZAMBRY & METRA SYAHRIL

**K**ERAJAN, rakyat dan pemain industri dilihat berkongsi harapan untuk melihat lonjakan prestasi perkhidmatan awam setelah kenaikan gaji bermula bulan ini.

Pengarah Pusat Pengajian Perangsaraf Media dan Informasi, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA (UiTM), **Profesor Madya Dr Suhaimee Saahar @ Saabar** berkata dalam menguruskan harapan sebaiknya setiap golongan harus bersikap holistik dan realistik kerana ia merupakan satu langkah baharu kerajaan.

"Sudah pasti penjawat awam mestilah memastikan prestasi dan kecekapan dalam perkhidmatan ditingkatkan malah kita juga harus melihat sebarang alat untuk mengukur prestasi penjawat awam, ia bukan sahaja memberi nilai tambah tetapi mestilah mempunyai empati dan ihsan.

"Akhirnya dalam menguruskan sumber manusia, bakat dan kualiti kerja ia harus bersifat realistik dan jangan dibebankan dengan Indeks Prestasi Utama (KPI) yang menyumbang kepada kesan negatif terhadap motivasi, kepercayaan dan penglibatan kakitangan awam," katanya kepada Wilayahku.

Beliau berkata dari perspektif rakyat, mereka melihat akan lebih baik kualiti yang ditunjukkan khususnya menjangkakan berlakunya pengurangan birokrasi dalam perkhidmatan awam.



MASYARAKAT menaruh harapan tinggi agar tadbir urus perkhidmatan awam dipertingkatkan selari dengan kenaikan gaji baharu.

"Ia memerlukan kerjasama yang baik dan erat daripada orang ramai serta memberikan kritikan positif dan konstruktif serta melihat kelemahan untuk diperbaiki bersama.

"Dari segi harapan pemain industri, perkhidmatan awam perlu berusaha mengurangkan birokrasi tetapi suara mereka, kritikan, aduan dan maklum balas mestilah disalurkan ke saluran yang betul supaya tindakan dapat diambil dan dianalisis serta

peningkatan sistem teknologi, reformasi sistem pentadbiran dan aspek utama adalah keterlibatan rakyat dan industri dalam memberikan penilaian tahap perkhidmatan yang diberikan," katanya.

Suhaimee berkata kerajaan perlu lebih banyak melabur di dalam latihan dan pembangunan teknologi dalam meningkatkan kecekapan tadbir urus perkhidmatan awam khususnya melibatkan Kecerdasan Buatan (AI) dan Internet of Things (IoT), Data Raya dan rantaian blok (Blockchain).

"Kerajaan perlu menyokong dengan laksanakan program latihan yang meliputi semua aspek pekerjaan, tahap pekerjaan daripada kumpulan sokongan hingga pengurusan dan bengkel ini perlu ditaja sama ada melibatkan agensi kerajaan atau pihak ketiga yang mempunyai kemahiran di dalam teknologi terutamanya

dalam aspek pemindahan dan perkongsian teknologi," katanya.

Ditanya mengenai mekanisme pemantauan yang akan diperkenalkan untuk menilai prestasi penjawat awam selepas kenaikan gaji ini, Suhaimee berkata beberapa pengukuran boleh diperkenalkan terutamanya ia mesti lebih sistematik dan telus.

"Salah satunya kita lihat bagaimana penilaian prestasi berdasarkan KPI yang setiap penjawat awam ini akan dinilai mengikut pencapaian matlamat dan sasaran tertentu dalam tempoh masa yang ditetapkan dan sasaran kerja ini haruslah ditetapkan untuk memastikan setiap agenda yang ditetapkan oleh pihak kerajaan khususnya tadbir urus, tatakelola dan keputusan yang terhasil daripada perancangan KPI tersebut dapat dizahirkan dalam bentuk yang lebih baharu," ujarnya. 



SUHAIMEE

dikaji secara mendalam agar tidak membebankan terutama melibatkan kewangan kerajaan.

"Kita juga melihat mungkin timbul pelbagai soalan berkaitan dengan pemantauan,

## Jadi ikutan sektor swasta

**PENINGKATAN** gaji penjawat awam diyakini akan dapat merangsang pertumbuhan ekonomi negara.

Demikian ditegaskan Presiden Persatuan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SAMENTA), **Datuk William Ng** yang melihat pertumbuhan ekonomi itu memfokus kepada penambahan kuasa beli rakyat selain permintaan terhadap barang dan perkhidmatan.

"Semuanya ini akan memberi kesan positif termasuk kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) terutama dalam sektor runcit dan perkhidmatan," katanya.

Menurut William, pelarasan gaji penjawat awam itu selari dengan inisiatif Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) iaitu mereformasikan pasaran buruh swasta.

Beliau memberitahu bahawa apabila berlaku kenaikan gaji sektor awam, langkah tersebut dilihat dapat meningkatkan produktiviti negara.

Pihaknya percaya sektor swasta termasuk PKS akan mengikuti momentum berkenaan dan menaikkan gaji pekerja mereka.

"Oleh, itu kami berharap kerajaan akan membuat pemantauan sewajarnya terhadap sebarang lonjakan produktiviti ekoran peningkatan gaji.

"Hal demikian kerana perkara itu akan menjadikan pemangkin kepada reformasi gaji di sektor swasta," katanya.

Terdahulu, Pelaksanaan Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) yang menggantikan Skim Saran Malaysia (SSM) berkuat kuasa 1 Disember lalu.

Ia menyaksikan kumpulan pelaksana menikmati pelarasan gaji tertinggi sehingga 42.7 peratus manakala tujuh peratus bagi kumpulan pengurusan tertinggi. 



WILLIAM

Kenaikan gaji penjawat awam

# SALAH SATU BENTUK SOKONGAN MORAL

**K**ENAIKAN gaji penjawat awam seperti diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim merupakan satu sokongan moral kepada golongan itu dalam meningkatkan produktiviti kerja.

Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), **Abdul Rahman Mohd Nordin** berkata, ia juga cerminan sikap ambil berat Perdana Menteri terhadap penjawat awam yang sudah 12 tahun tidak menikmati kenaikan gaji.

Malah katanya, kebanyakan penjawat awam merupakan golongan B40 dan berdepan banyak masalah dengan kenaikan kos sara hidup setiap tahun.

"Ini (kenaikan gaji) memberi sokongan moral dan juga menambah baik kepada sara hidup penjawat awam."

"Terima kasih Perdana Menteri yang mengambil berat isu berkaitan penjawat awam. Sudah 12 tahun tak naik gaji dan kita sudah hadapi empat Perdana Menteri."

"Kami amat menghargai jasa baik Perdana Menteri (Anwar) yang memahami kebijakan penjawat awam," katanya kepada Wilayahku.

Pada Ogos lalu, Perdana Menteri mengumumkan pelarasan gaji penjawat awam sebanyak 15 peratus kepada kumpulan pelaksana.

Selepas 12 tahun terikat tanpa semakan, pelaksanaan Sistem



ABDUL RAHMAN



KENAIKAN gaji memberi sokongan moral dan juga menambah baik kepada sara hidup penjawat awam.

Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) menggantikan Skim Saraan Malaysia (SSM) mulai 1 Disember ini.

Ia menyaksikan kira-kira 1.6 juta penjawat awam mendapat pelarasan gaji baharu selepas kali terakhir disemak pada 2013.

Menurut Perdana Menteri, kadar

pelarasan gaji yang ditingkatkan melalui SSPA itu dilaksanakan kerana mengambil

kira berlaku peningkatan 21.3 peratus terhadap Indeks Harga Pengguna (IHP) dalam tempoh 10

tahun lepas.

Ini terutamanya harga makanan dan minuman yang merupakan keperluan asas, yang turut naik pada kadar 24.8 peratus.

Mengulas lanjut Abdul Rahman berkata, dengan kenaikan tersebut, penjawat awam dinasihatkan supaya pandai mengurus perbelanjaan dalam suasana kos sara hidup yang meningkat ini.

"Kalau dulu kita tiada Internet (termasuk perkhidmatan jalur lebar di kediaman). Kini ia satu keperluan untuk pendidikan anak-anak dan tugas yang memerlukan talian Internet.

"Sekarang kena pandai berjimat termasuk penggunaan sumber tenaga di kediaman

masing-masing," katanya.

Beliau juga mahu penjawat awam meningkatkan produktiviti kerja dan mengelak daripada pekerja-perkara yang mudah dikritik khususnya oleh warganet.

"Contohnya, pagi-pagi jangan minum terlalu lama, buat kerja dengan baik. Perkhidmatan di kaunter juga perlu ditingkatkan dan kena mahir dengan teknologi baharu," katanya.

Selain itu tegasnya, penjawat awam perlu menjadikan ruang kerja sentiasa harmoni.

Seperkara lain katanya, kenaikan gaji penjawat awam ini juga dapat meningkatkan atau membantu mikroekonomi, kedai-kedai runcit dan perniagaan kecil-kecilan yang menjadi tumpuan utama penjawat awam.

## Sikap juga perlu berubah

**PELAKSANAAN** pelarasan gaji penjawat awam yang bermula bulan ini perlu disertakan sekali dengan perubahan sikap dan peningkatan prestasi dalam melaksanakan sesuatu tugas mendepani isu-isu rakyat.

Aktivis sosial, **Tan Sri Lee Lam Thye** berkata, malah kakitangan kerajaan juga perlu bersikap positif selain mempunyai semangat untuk bekerja.

"Dalam interaksi saya dengan anggota masyarakat, saya dapat aduan dan gambaran bahawa masih ada isu tentang prestasi kakitangan kerajaan."

"Ini melibatkan kecekapan untuk memberi maklum balas terhadap permintaan, pertanyaan dan jawapan kepada isu-isu rakyat.



LAM THYE

Ada yang mengambil masa lama untuk rakyat dapatkan jawapan atau maklum balas.

"Inilah yang saya nak tekankan, kenaikan (gaji) ini adalah berpatutan tetapi saya kira mereka ini akan dapat berkhidmat dengan lebih baik serta meningkatkan produktiviti," katanya kepada Wilayahku.

Lam Thye berkata, merangkumi semuanya itu, paling penting adalah ketulusan dalam bekerja dan integriti.

"Ini semua perlu ditingkatkan

agar mereka boleh mendapat keyakinan rakyat dan masyarakat terhadap perkhidmatan awam," katanya.

Beliau turut menekankan isu-isu yang sering mendapat aduan rakyat iaitu berkaitan perkhidmatan di kaunter-kaunter agensi kerajaan.

Menurutnya, kakitangan awam perlu mempunyai sikap 'logik akal' jika sesuatu perkhidmatan di kaunter itu sesak dan orang ramai terpaksa mengambil masa lama untuk menyelesaikan isu-isu mereka.

"Itu saya sebut dari segi kecekapan, ini sangat penting. Isu di kaunter ini isu lama tetapi masih ada agensi yang tidak dapat menyelesaikannya dengan baik."

"Ada kaunter yang sepatahnya dibuka semuanya (ketika waktu puncak) tetapi tidak dibuat sedemikian. Saya harap isu ini dapat diselesaikan sewajarnya," katanya.

Dalam pada itu, beliau melihat kenaikan gaji penjawat awam ini bertepatan dengan masanya ketika semua pihak berdepan dengan isu kos sara hidup.

"Sekiranya gaji untuk kakitangan kerajaan dinaikkan, itu membantu mereka mengurangkan bebanan yang ditanggung," katanya.

## Kualiti hidup terjamin

"LEBIHAN pendapatan yang bertambah dapat mengurangkan kesenjangan pendapatan terhadap kakitangan kerajaan itu sendiri," ujar **Profesor Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff**.

Beliau yang merupakan Pengarah Program MBA, Putra Business School (PBS) berkata, tujuan penstrukturkan gaji yang dijadualkan pada bulan ini adalah untuk memastikan kualiti hidup kakitangan awam lebih bermakna.

Kenaikan ini juga sebagai salah satu usaha mengimbangi jurang pendapatan antara mereka yang berada di gred rendah dan tinggi di mana Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebelum ini berkata keutamaan adalah kepada golongan berpendapatan rendah.

"Kita juga dapat lihat objektif sedemikian rupa adalah sesuatu yang bagus dan tepat pada waktunya setelah sekian lama kakitangan kerajaan tidak mendapat penyalaran gaji," ujar beliau.

Mengulas lanjut berkenaan 688,663 orang atau 52.95 peratus daripada 1.3 juta penjawat awam di seluruh negara belum memiliki rumah, beliau berkata peningkatan pendapatan akan membawa kepada kualiti hidup yang lebih terjamin.

"Saya lihat di sini banyak perkara positif yang akan berlaku apabila adanya kenaikan gaji ini, di mana kakitangan itu sendiri boleh meningkatkan taraf kehidupan mereka ke arah yang lebih baik lagi kerana mereka akan mendapat tunai tambahan setiap bulan."

"Dalam masa sama, dapat dilihat kerajaan sentiasa cakna dalam memelihara kesejahteraan penjawat awam dengan mengumumkan pelbagai manfaat antaranya memperkenalkan Skim Pembiayaan Perumahan Muda untuk penjawat awam muda memohon pembiayaan perumahan sehingga umur 40 tahun."

"Secara teori kalau peningkatan gaji ini digunakan oleh mereka untuk berbelanja maka jika sebelum ini mereka beli barang tertentu, lepas ni dapat gaji lebih, mungkin akan beli barang yang berkualiti sedikit selain akan membelanjakan untuk mendapatkan apa yang mereka inginkan."

"Ini bermakna akan berlaku suntikan fiskal, akan lebih banyak wang masuk ke dalam pasaran. Jadi, apa sahaja yang dapat menyumbang masuk akan meningkatkan kecairan dan merancakkan aktiviti ekonomi," ujar beliau lagi.

Tambah beliau, tahun hadapan juga dijangka akan berlaku kos perbelanjaan pengguna di peringkat domestik dan kemungkinan akan adanya isu kenaikan harga namun tidaklah terlalu kritikal dan ketara.



AHMED RAZMAN

# PENANTIAN 12 TAHUN BERAKHIR

**P**ENJAWAT awam menarik nafas lega ekoran pelarasan gaji baharu pada bulan Disember ini. Pelaksanaan pemberian tersebut dilakukan secara berfasa iaitu pada 1 Disember dan 1 Januari 2026.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan kenaikan sebanyak 15 peratus untuk pegawai kumpulan pelaksana dan pegawai kumpulan pengurusan dan profesional.

Sementara itu, bagi pegawai kumpulan pengurusan tertinggi pula bakal menerima kenaikan gaji sebanyak tujuh peratus.

Pelaksanaan Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) yang menggantikan Skim Saran Malaysia (SSM) mulai 1 Disember 2024 menyaksikan kumpulan pelaksana menikmati pelarasan gaji tertinggi sehingga 42.7 peratus manakala tujuh peratus bagi kumpulan pengurusan tertinggi.

Wilayahku meninjau pandangan serta suara hati mereka yang rata-ratanya berpuas hati dengan penantian selama 12 tahun untuk menikmati kadar gaji yang baharu. 

**SAYA** mula berkhidmat sebagai penjawat awam pada tahun 2021, bagi saya kenaikan gaji yang diumumkan adalah satu suntikan motivasi kepada semua penjawat awam untuk melaksanakan kerja dengan lebih dedikasi lagi.

"Pelarasan ini juga menampakkan pihak kerajaan yang sentiasa cakna dan mengambil berat sekali gus membuatkan kami rasa begitu dihargai.

"Terima kasih yang tidak terhingga kerana mendengar suara kakitangan kerajaan. Semoga limpahan rezeki ini turut membawa kebaikan kepada masyarakat"

## FARAHIYAH MOHD NAWAWI

**SELAMA** sembilan tahun berkhidmat sebagai penjawat awam, saya rasa memang wajar kenaikan gaji dibuat kerana telah lama tiada pelarasan. Saya kira ini adalah ekstra bonus yang sangat dinantikan. Ia sangat membantu memberi kualiti hidup yang lebih bermakna.

"Dengan penambahan ini saya akan membelanjakannya dengan berhemat

sudah semestinya untuk keperluan keluarga.

"Terima kasih kepada kerajaan hari ini yang begitu mengambil berat terhadap kebijakan kakitangan awam."

## NOOR DIYANA MOHAMAD ZAMRI

**SAYA** sangat menyokong SSPA kerana ia merupakan bonus kepada penjawat awam seperti kenaikan gaji dan sebagainya. Bagi saya setiap perubahan yang dilakukan adalah usaha yang perlu



disokong kerana ia tidak lain hanyalah untuk memastikan agar ia lebih baik daripada sebelum ini.

"Malah, kita juga boleh lihat dengan jelas Belanjawan 2025 baru-baru ini menyaksikan penjawat awam menerima banyak manfaat dan sentiasa menjadi tumpuan kerajaan."

## CHE NOR AZIAN YUSOFF

**INI** merupakan masa yang tepat di mana pelarasan gaji mendatangkan banyak kelebihan bukan sahaja kepada kakitangan itu sendiri bahkan memberi kesan yang baik kepada ekonomi. Kenaikan gaji membolehkan penjawat awam berbelanja dan akan merancakkan aktiviti ekonomi.

"Ditambah lagi, pada tahun hadapan, kita akan menyambut perayaan pada awal tahun selain sesi persekolahan yang baru akan bermula, jadi saya rasa, ini adalah satu bantuan yang sangat disyukuri kerana dapat membantu mengurangkan beban."

## FADZLEY IRZAD MISNANI

**PENGUMUMAN** Perdana Menteri berkaitan kenaikan gaji melalui SSPA merupakan antara langkah pemantapan ketika

persaraan serta sebagai elemen penambahbaikan dalam kerjaya kita dan ia merupakan perkara yang sangat bagus dan ditunggu-tunggu oleh penjawat awam.

"Saya sudah berkhidmat selama 22 tahun sebagai penjawat awam dan secara

jurny pengumuman kenaikan gaji itu sedikit sebanyak membantu ekonomi para penjawat awam dan ia akan memberi impak kepada pihak yang lain juga.

"Diharapkan dengan pengumuman ini juga menjadi pembakar semangat buat kami untuk terus menampilkan prestasi terbaik untuk negara."

"Saya juga mengharapkan pihak kerajaan



terus memandang kebijakan kepada seluruh rakyat."

## DIANTY HUSSAIN

**SEBAGAI** penjawat awam, kita menyokong apa sahaja cadangan baik daripada pihak kerajaan dan kenaikan gaji itu juga tidak merugikan mana-mana pihak sebaliknya lebih ke arah kebaikan."



## MOHD HANAPIAH ABDUL MAJID

**TERIMA** kasih kepada PMX kerana sudah membantu rakyat terutamanya penjawat awam menerusi pelarasan gaji yang diumumkan baru-baru ini di mana dengan gaji baharu ini juga ia akan membantu meringankan beban saya dan keluarga.

"Selain itu, ia memudahkan urusan saya untuk membayar segala komitmen dan tunggakan yang ada seperti bayaran Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan lain-lain."

"Saya begitu teruja untuk menantikan kenaikan pada bulan ini. Semoga urusan semua kakitangan kerajaan dipermudahkan oleh Allah SWT."

## TUAN NUR SYAFIQAH TUAN MUHAMMAD

**SAYA** sudah berkhidmat selama 11 tahun sebagai penjawat awam dan dengan kenaikan gaji yang bakal dinikmati Disember ini akan memberi manfaat yang besar buat golongan bawahan khususnya kerana pendapatan yang ada kini tidaklah sebesar mana.



"Tambahan pula itu adalah kenaikan terbesar yang pernah diumumkan berbanding sebelum ini pastinya ia akan membawa kesan positif kepada kesejahteraan ekonomi kakitangan awam di seluruh negara."

"Alhamdulillah semua rakan sekerja begitu gembira setelah mendengar perkhabaran gembira yang diumumkan baru-baru ini. Diharapkan pada masa akan datang, lebih banyak manfaat yang bakal diberikan kepada rakyat."

"Ia juga akan memberi motivasi kepada kami untuk terus berkhidmat dengan cemerlang kepada masyarakat."

## NORHILA AZMAN MOHD SIDEK

**TERIMA** kasih banyak diucapkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana sentiasa membantu penjawat awam dari segi ekonomi dan pastinya kenaikan gaji ini juga akan memberi manfaat kepada seluruh masyarakat terutama peniaga kerana kuasa beli pengguna turut meningkat.



"Sekurang-kurangnya kenaikan gaji ini membolehkan kami membeli barang keperluan, lebih-lebih lagi di saat harga barang naik sekali gus ia juga akan membantu ekonomi pengusaha kecil."

"Ini merupakan sinar baharu bagi kami setelah sekian lama menanti khabar gembira. Tahun 2025 membuka lembaran baharu yang lebih bermakna kepada penjawat awam."

## MACRINA MARCUS

**ALHAMDULILLAH**, dengan adanya pelarasan ini kuranglah sedikit komitmen bulanan. Ini adalah rezeki yang tidak disangka-sangka memandangkan saya baru sahaja membeli rumah. Sekurang-kurangnya dapatlah membayar kos penyelenggaraan bulanan.

"Jika tidak pun, saya akan menggunakan untuk membayar cukai tahunan."

"Selain itu, pada tahun hadapan, ketiga-tiga anak saya akan bersekolah, jadi dengan adanya gaji baharu ini sangatlah membantu kami suami isteri dalam menyediakan kelengkapan serta membayar yuran persekolahan."

## NOR AZREEN ZAINAL ABIDIN

**SETIAP** pengumuman oleh kerajaan disambut baik oleh para penjawat awam kerana bagi saya, ia membawa manfaat yang besar kepada kami.



"Terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana sentiasa mengambil berat kebijakan kakitangan awam. Ini merupakan bonus yang amat ditunggu-tunggu lebih-lebih lagi bagi kakitangan kumpulan pelaksana."

"Kenaikan gaji ini juga memberi ruang dan peluang bahawa mungkin sudah tiba masanya untuk saya membeli kediaman sendiri yang lebih selesa memandangkan keluarga juga sudah semakin besar."

## ZAINURULAZMA RAHMAT

# Tolak amalan rundingan terus

**PELBAGAI** fitnah telah dilemparkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkaitan isu projek tebakan banjir bernilai RM7 bilion yang dibatalkan pada tahun 2022.

Di laman sosial, netizen menuduh Anwar membatalkan projek tersebut kerana ingin memberi laluan kepada projek parti DAP di Pulau Pinang yang bernilai RM10 billion.

Tuduhan tersebut dilihat tidak berasas sama sekali kerana projek tebakan banjir yang dilaksanakan di seluruh negara termasuk di Pantai Timur mengikut jadual, walaupun ada antaranya dibatalkan pada 2022 sebelum ditender semula.

Anwar berkata, keputusan membatalkan beberapa projek dibuat ketika itu kerana Kerajaan MADANI menolak amalan rundingan terus yang disifatkan beliau mempunyai asas yang cukup lemah.

"Setakat ini, melainkan satu di Terengganu, jika tidak salah saya, (projek) yang lain memang masih ikut jadual. Ia tidak (mengganggu).

"Adakah ada bukti ada upaya menyelamatkan dana? Ya, kita ada rekod bahawa dalam rundingan terus dengan proses tender, memang kita selamatkan dana



ANWAR pada Waktu Pertanyaan Perdana Menteri di Dewan Rakyat, pada Selasa.

besar daripada yang diperuntukkan sebelumnya.

"Jadi, saya nak bagi jaminan, janganlah ini akan menyebabkan kelambatan lagi proses penilaian teknikal oleh Kementerian dan penilaian kewangan oleh Kementerian Kewangan itu harus dipatuhi," katanya pada Waktu

Pertanyaan Perdana Menteri (PMQ) di Dewan Rakyat, baru-baru ini.

Beliau menjawab soalan tambahan Ahli Parlimen Muar, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman mengenai sama ada terdapat bukti penyelewengan dalam proses tender projek tebakan banjir yang dibatalkan sebelum ini dan apakah keputusan

membatalkan tender serta tender semula projek itu menjelaskan garis masa persediaan untuk menangani banjir besar.

Terkini, jumlah mangsa banjir terus menurun kepada kira-kira 90,000 orang di lapan negeri dengan Kelantan masih merekodkan jumlah tertinggi kira-kira 55,000 mangsa.

## SPM 2024

# DITUDUH ZALIM, BUKAN MAHU JATUHKAN MELAYU

**SUSULAN** peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM 2024) diteruskan walaupun beberapa negeri dilanda banjir besar dan kritikal, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dituduh zalim dan tidak mempunyai rasa empati.

KPM telah meneruskan Ujian Bertutur Bahasa Melayu SPM 2024 di semua negeri terjejas banjir termasuk Kelantan, Terengganu dan Kedah seperti yang dijadualkan telah pun bermula.

Malah, ada yang menuduh disebabkan negeri atau kawasan yang terjejas dengan banjir kebanyakannya melibatkan calon SPM daripada kaum Melayu, maka peperiksaan tersebut diteruskan.

Tidak perlu mencetuskan perbalahan kaum kerana Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek, membuat keputusan tersebut selepas mengambil kira nasihat daripada pihak keselamatan khususnya Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan ramalan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) mengenai situasi Monsun Timur Laut (MTL), yang berkemungkinan berpanjangan sehingga Februari 2025.

"KPM sedia melaksanakan peperiksaan dalam situasi banjir berdasarkan kepada prosedur operasi standard (SOP) Ops Payung



FADHLINA ketika mempengerusikan Mesyuarat Pengurusan Khas Banjir dan Peperiksaan SPM, baru-baru ini.

dan Pelan Tindakan Menghadapi MTL.

"KPM juga bekerjasama dengan agensi seperti NADMA, Angkatan Tentera Malaysia dan Angkatan Pertahanan Awam (APM) untuk memastikan peperiksaan SPM berjalan lancar," katanya pada Sidang Media Khas Pengurusan Banjir KPM dan Persiapan Peperiksaan SPM, baru-baru ini.

Fadhlina berkata, seramai 5,377 calon SPM dikenal pasti terjejas akibat banjir di tiga negeri iaitu Kelantan seramai 3,111 calon, Terengganu (1,734 calon) dan Kedah (532 calon).

"Calon di sembilan negeri terjejas banjir digerakkan ke asrama atau pusat peperiksaan alternatif. Ini bagi memastikan mereka dapat keselesaan dan ikut jadual peperiksaan ditetapkan."

"Kerja pemindahan dilaksanakan di semua peringkat Jabatan Pendidikan Negeri (JPN). Ia bagi memastikan mereka dapat tinggal di asrama yang kondusif, selain dapat menjalankan ulang kaji secara lebih tersusun dengan sokongan sudah disiapkan," katanya.

Ia dinilai lalu, KPM memaklumkan peperiksaan SPM 2024 akan

bermula pada 2 Disember hingga 6 Februari 2025.

Memandangkan banjir khususnya di Kelantan semakin buruk, Fadhlina berkata, kementerian itu bersiap siaga sepenuhnya termasuk kemungkinan berlaku situasi luar jangka yang mungkin menyukarkan calon SPM untuk hadir.

Katanya, persediaan itu dibuat berdasarkan SOP Ops Payung.

Selain itu, KPM juga mempunyai Pelan Tindakan Menghadapi MTL dengan pekeliling mengenainya dikeluarkan kepada warga kementerian itu pada 22 Oktober lalu.

Tambahnya tiada gesaan daripada mana-mana pihak bagi menangguhkan peperiksaan tersebut.

"Barangkali apa yang kita akan tingkatkan adalah persiapan luar jangka. Ini merangkumi semua aspek daripada keselamatan, kesiapsiagaan termasuk memberikan khidmat psikososial (kepada pelajar calon SPM terjejas akibat banjir).

"Jika ada perkara yang berlaku di luar jangkaan, kita turut bersedia untuk tambah baik, setakat ini (gerak kerja) diteruskan seperti biasa mengikut pedoman pihak keselamatan yang diberikan dari masa ke masa," katanya.

## MENARIK WILAYAHKU



### KUALA LUMPUR

**23/11-23/12/24:** Pameran Jejak Beribu Tahun @ Balai Seni Negara

**8/12/24:** KL Tower International Towerthon Challenge 2024 @ Menara KL

**1/1/25:** KL New Year Run 2025 @ Dataran Merdeka, KL

**11-12/1/25:** KLPJ Wedding Fair @ KLCC



### PUTRAJAYA

**8/12/24:** Program Keusahawanan Celik Niaga @ Auditorium Tun Azizan Zainal Abidin @ Perbadanan Putrajaya

**27-31/12/24:** Festival Light & Motion Putrajaya (LAMPU) 2024

**15/2/25:** Putrajaya Night Race @ Dataran Wawasan



### LABUAN

**3-8/12/24:** Ujana Kewangan Street Night Market 2024

**28/12/24 -1/1/25:** Labuan Ambang 2025 Open Fours @ Arena Boling Padang Antarabangsa Labuan

**31/12/24:** International Character Costume Night Run 2024 @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

## TALIAN KECEMASAN

Talian Kecemasan Negara (Polis, Bomba, Hospital, Pertahanan Awam, MARITIM): **999**

Talian Kasih KPWK: **15999**

Cyber 999: **1-300-88-2999 / 019-266 5850**



VIVIAN (empat dari kiri) ketika menyampaikan hadiah Kejohanan Sukan Belia di Taman Mesra, Sandakan.

# CABARAN YB VIVIAN MENDEPANI ISU ESS ZONE, PATI



'Mewarisi' kerusi Parlimen Sandakan daripada mendiang bapa, bagaimana YB melihat Sandakan secara keseluruhannya terutama dalam aspek sosioekonomi?

Sandakan sedang mengalami perubahan sosioekonomi dengan fokus kepada pembangunan sektor pelancongan, industri perikanan dan industri memproses makanan.

Sungguhpun begitu, kita masih menghadapi beberapa cabaran dalam meningkatkan taraf hidup bagi semua lapisan masyarakat.

**Menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026, apa keistimewaan Sandakan yang perlu diketengahkan?**

Sandakan sebagai destinasi yang menawarkan pengalaman pelancongan unik, autentik dan berkelestarian. Ia dapat menarik lebih ramai pelancong luar untuk melawat dan meneroka keindahan semula jadi serta kekayaan budaya yang dimiliki.

Bagi saya Sandakan mempunyai alam flora dan fauna yang istimewa. Dengan adanya Pusat Rehabilitasi Orang Utan, Sun Bear, Rainforest Discovery Centre, Pulau Penyu Selingan, Taman Pulau-Pulau Penyu (TPPP) Sandakan yang diwujudkan sejak 47 tahun lalu kini menjadi lokasi pendaratan penyu terpenting di Asia Tenggara.

**Bagaimana pula dengan aspek keselamatan di Sandakan, lebih-lebih lagi perintah berkurung dijenamakan semula kepada Perintah Kawalan Pergerakan ESS Zone?**

Buat masa ini, barisan hadapan kita sedang bertugas memastikan keselamatan sempadan di pesisir pantai terjamin, tambahan sekarang peningkatan operasi keselamatan. ESS Zone telah menjadi komponen utama memastikan keselamatan di timur Sabah, namun langkah-langkah pemantauan dan pengawasan terus dilaksanakan

**B**ARU berusia 35 tahun dan umum menganggapnya 'setahun jagung' dalam dunia politik, Ahli Parlimen Sandakan, VIVIAN WONG SHIR YEE berlitzam mahu mengangkat nama Sandakan menjadi destinasi utama pengembangan ekonomi mahupun pelancongan.

Mewarisi kerusi Parlimen itu daripada mendiang bapa, Datuk Stephen Wong Tien Fatt selepas memenangi Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sandakan pada Mei 2019, Yang Berhormat (YB) Vivian juga mahu meneruskan janji-janji mendiang dan melihat Sandakan yang memiliki lebih 100,000 orang penduduk itu maju.

Paling penting, beliau komited memastikan Sandakan terus berada dalam keadaan selamat dengan jalinan strategik agensi keselamatan melalui Perintah Kawalan Pergerakan Eastern Sabah Safety Zone (ESS ZONE).

Kepada wartawan Wilayahku, METRA SYAHRIL MOHAMED, beliau mengakui masih merindui kerjaya sebagai guru prasekolah, namun lapangan kariernya sekarang turut menuntutnya mendidik serta membantu rakyat dengan sebaik-baiknya.

bagi mengatasi ancaman yang mungkin timbul. Laporan ESS Zone kekal stabil dengan tiada insiden penculikan berlaku sejak Februari 2020 hingga kini.

**Penitian YB mengenai aspek bekalan air, kualiti jalan raya dan juga elektrik di Sandakan? Memuaskan?**

Sandakan seperti kebanyakan bandar-bandar lain di Malaysia, menghadapi cabaran dalam aspek infrastruktur seperti bekalan air, jalan raya dan lampu jalan. Walau bagaimanapun, usaha memperbaiki keadaan ini sedang dijalankan oleh pihak berkuasa tempatan dan kerajaan negeri.

Penambahbaikan di kawasan luar bandar dan usaha pemantauan berkala adalah penting untuk memastikan kualiti hidup yang lebih baik dan peningkatan daya tarik Sandakan sebagai destinasi pelancongan serta kawasan yang sesuai untuk kediaman dan perniagaan.

Sabah berkeluasan 73,620 kilometer persegi juga negeri kedua terbesar di Malaysia. Oleh itu, memang ada kekangan untuk kerajaan dari segi peruntukan membaiki semua infrastruktur asas seperti paip air usang dan menaik taraf jalan raya kampung dengan serta-merta.

Tetapi dengan usaha Kerajaan MADANI, kami nampak perubahan yang ketara di mana semua

anggota kerajaan fokus untuk membangunkan infrastruktur Sabah.

**Dari segi ekonomi, apa kekuatan yang ada pada Sandakan?**

Sandakan kaya dengan makanan laut yang segar di mana hasil laut ini dieksport ke luar negara seperti Singapura, Hong Kong dan China.

Ia juga salah satu tujuan pelancong melawat ke Sandakan, menghayati makanan laut yang segar dengan harga berpatutan. Selain itu, Sandakan mempunyai tempat-tempat pelancongan yang menarik bagi menambah ekonomi Sandakan seperti alam flora fauna yang luas. Kita juga menerima lawatan memberangsangkan daripada universiti di mana mereka menjalankan kajian lapangan mengenai alam semula jadi.

**Banyak kes seludup, jual telur penyu secara haram dilaporkan di Sandakan. Bagaimana YB melihat perkara ini?**

Di Sandakan pihak berkuasa telah mengeluarkan notis melarang penjualan telur penyu kerana ini akan menjadikan habitatnya. Usaha pemuliharaan dan penguatkuasaan undang-undang perlu diteruskan untuk melindungi spesies itu. Kita juga berusaha menyedarkan semua pihak mengenai usaha ini.

**YB baru sahaja berusia 35 tahun. Apa yang YB lakukan dalam melatih**

**anak muda meminati politik?**

Untuk menarik minat anak muda dalam politik, pendekatan yang lebih inklusif, terbuka dan berfokus pada isu-isu yang relevan dengan kehidupan mereka adalah penting. Menggunakan media sosial, memberikan ruang untuk penglibatan langsung serta menawarkan penyelesaian yang praktikal dan berdaya saing adalah kunci utama untuk menggalakkan anak muda mengambil bahagian secara aktif dalam proses politik.

Selain itu, adalah penting untuk kita memahami minat dan keperluan mereka.

**Semasa menjadi calon bagi Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sandakan, YB pernah mengatakan mahu menuaikan janji yang tidak sempat diselesaikan oleh mendiang bapa. Apa janji-janji tersebut dan bagaimana dilaksanakan atau sudahkah ia dilaksanakan?**

Janji saya ialah untuk menyuarakan isu-isu yang berbangkit di sekitar Sandakan. Saya tidak putus asa membawa masalah yang dihadapi rakyat ke Parlimen sehingga selesai. Salah satu pencapaian yang mendiang bapa sempat lakukan adalah kelulusan pemanjangan landasan Lapangan Terbang Sandakan supaya kapal terbang yang lebih besar dapat mendarat. Walaupun mendiang bapa tidak sempat menyaksikan kejayaan

projek itu, saya yakin semua warga Sandakan menghargai usaha beliau.

Tanggungjawab saya sekarang bersama Kementerian Pengangkutan adalah menarik lebih banyak penerbangan ke Sandakan. Kita berjaya mendapatkan Malindo Air, Royal Brunei, FireFly dan Batik Air untuk mendarat di Sandakan. Oleh kerana pandemik COVID-19, beberapa usaha tergendala tetapi kami tidak akan putus asa. Sebab saya tahu, ramai warga Sandakan bekerja dan menuntut di Semenanjung. Dengan lebih banyak penerbangan akan memudahkan mereka balik kampung.

**YB juga pernah membangkitkan isu pendatang asing tanpa izin (PATI) khususnya di Sabah. Apakah isu ini diselesaikan secara baik?**

Sebagai seorang Ahli Parlimen dari Sabah, saya prihatin dengan isu pendatang asing tanpa izin dan juga tanpa kerakyatan yang sudah lama berlarutan. Saya menyeru kerajaan mengetatkan kawalan keselamatan di sempadan. Semua penguat kuasa perlu menjalankan tugas dengan baik. Saya juga mencadangkan kerajaan menaik taraf teknologi seperti radar dan kamera litar tertutup (CCTV) untuk menangani isu PATI.

**Sejauh mana langkah YB selepas ini dalam politik?**

Selagi masih mampu menjalankan tugas saya akan terus berkhidmat. Tetapi bila sampai masanya, saya akan mengundur diri dan mencebur semula pekerjaan guru prasekolah. Sebelum ini saya seorang guru prasekolah sebelum saya menjadi pegawai khas Menteri Kesihatan dan Kesejahteraan Sabah. Saya masih rindu mendidik murid prasekolah, oleh itu saya *treat* rakyat saya seperti murid saya juga. Mendidik dan membantu mereka sebaik-baiknya.

# PBT pertama warta had laju sekolah

**DEWAN** Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menjadi pihak berkuasa tempatan (PBT) pertama di negara ini yang mewartakan Zon Sekolah Had Laju 30 kilometer sejam (KM/J).

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif berkata langkah ini adalah selaras dengan visi Kerajaan MADANI yang menekankan keselamatan dan kesejahteraan rakyat.

"Melalui pelaksanaan inisiatif ini, kita telah berjaya mencapai beberapa *outcome* yang membawa manfaat kepada warga setempat, terutamanya pelajar sekolah, antaranya termasuklah mencatatkan 41 peratus pengurangan kenderaan yang melebihi had laju 30 km/j dan 70 peratus pengurangan jarak lintasan pejalan kaki.

"Selain itu, turut dicatatkan adalah 57 peratus peningkatan kawasan untuk pejalan kaki dan 4.2 peratus peningkatan dalam aktiviti pejalan kaki telah direkodkan sejak penambahbaikan dilakukan, dengan lebih ramai penunggang basikal menggunakan lorong yang disediakan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Pelancaran Projek Perintis School Road Safety Project Sekolah

Kebangsaan Danau Kota 2 di sini pada Rabu.

Hadir sama, Ahli Parlimen Wangsa Maju, Zahir Hassan; Pengarah Eksekutif (Perancangan), Datuk Zulkurnain Hassan; Guru Besar SK Danau Kota 2, Hazizan Hussain dan Pengurus (Regional Lead) Asia and Africa, Global Designing Cities Initiative, Kim Loo.

Projek perintis ini merupakan hasil kerjasama DBKL bersama Bloomberg Philanthropies Initiative for Global Road Safety and Global Designing Cities Initiative yang mencerminkan pendekatan inovatif dalam meningkatkan keselamatan jalan raya, termasuk mengurangkan kelajuan kenderaan di sekitar kawasan sekolah; meningkatkan aksesibiliti yang selamat untuk pelajar dan pejalan kaki, dan mempromosikan pengangkutan mampar melalui reka bentuk infrastruktur yang mesra pengguna.

Maimunah berkata DBKL kekal komited memastikan usaha ini tidak terhenti di sini sahaja dan bercadang untuk memperluaskan inisiatif ini ke sekolah-sekolah lain yang akan dikenal pasti berdasarkan keperluan dan kesesuaian.

"Ia juga selaras dengan visi kami untuk menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandar raya yang lebih



MAIMUNAH (tengah) ketika Majlis Pelancaran Projek Perintis School Road Safety Project SK Danau Kota 2 pada Rabu.

berdaya huni dan disayangi.

"Projek perintis ini juga merupakan salah satu langkah pertama dalam perjalanan kita untuk membina sebuah bandar

raya yang inklusif, mampar dan selamat untuk semua.

Menurut Maimunah nahas jalan raya menyumbang kepada 3.8 peratus kematian dalam kalangan

kanak-kanak bawah umur 14 tahun di Malaysia, menjadikannya salah satu punca utama kematian kanak-kanak menurut data Jabatan Perangkaan Malaysia 2023.

## Operasi Bersepadu Mengambil Orang Papa GELANDANGAN CATAT PENURUNAN

AZLAN ZAMBRY

**J**ABATAN Wilayah Persekutuan (JWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bersama-sama kementerian dan agensi berkaitan telah melaksanakan Operasi Bersepadu Mengambil Orang Papa di Kuala Lumpur sebanyak tiga kali sepanjang tahun 2024. Bilangan keseluruhan gelandangan yang diambil adalah seramai 232 orang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** berkata pada tahun 2019, hasil cerapan Kementerian Wilayah Persekutuan bersama DBKL mendapat seramai 1,128 orang bergelandangan di Kuala Lumpur.

"Pada tahun ini, sebanyak tiga kali cerapan telah diadakan iaitu pada 14 Februari, 6 Jun dan 3 September 2024 di lima zon *hotspot* yang dikenal pasti oleh pihak DBKL iaitu di sekitar Menara Bangkok Bank, Menara Raja Laut dan Public Bank Raja Laut, Jalan



ZALIHA

Masjid India, Menara Takaful Kampung Atap dan Kompleks TLK Brickfields.

"Hasil cerapan tersebut adalah masing-masing seramai 414 orang, 122 orang dan 213 orang. Hasil kerjasama dan komitmen semua pihak dilihat telah memberi impak dan kesan positif ke atas penurunan bilangan gelandangan daripada cerapan terdahulu pada tahun 2019," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Senator Datuk Dr Mohd Hatta Md Ramli yang bertanya adakah pihak Kementerian mempunyai

data yang khusus berkaitan isu gelandangan terutamanya di Bandar raya Kuala Lumpur; dan apakah usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian atau melalui kerjasama dengan pihak luar, seperti badan bukan kerajaan (NGO) untuk memastikan kebijakan golongan gelandangan sentiasa terpelihara.

Menurut Zaliha, sebahagian

gelandangan telah diambil oleh jabatan dan agensi berkaitan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Imigresen Malaysia dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan dan selebihnya, gelandangan dinasihatkan untuk menghuni di lokasi penempatan sementara gelandangan iaitu di Pusat Khidmat Gelandangan (PKG) Medan Tuanku dan Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur (Anjung Kembara).

"Kebijakan golongan gelandangan sentiasa dipelihara khususnya melalui agihan makanan di pusat-pusat penempatan sementara gelandangan dengan kerjasama NGO yang berdaftar dengan DBKL dan YKN.

"Saya menyeru kepada semua NGO di luar sana yang berhasrat untuk memberi makanan, supaya terus mendaftar dengan pihak DBKL agar program agihan boleh dilakukan secara terancang," katanya.

Menjelang Kepengurusan ASEAN pada tahun 2025, Zaliha turut memohon komitmen setiap kementerian dan agensi untuk sama-sama bekerja melalui pendekatan *whole of nation* dalam menghadapi isu gelandangan di Kuala Lumpur.

## MPPWPKL SubZon 6 tinjau jalan raya berbahaya

**BERIKUTAN** satu kemalangan maut yang berlaku di Taman Malaysia Raya berhampiran persimpangan lorong susur keluar ke Lebuhraya Grand Saga, Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (MPPWPKL) Sub Zon 6 Parlimen Bandar Tun Razak tampil menjalankan pemantauan di kawasan sekitar.

Menurut Ahli Jawatankuasanya, **Mohd Fyrdoos Hamdan**, tindakan itu diambil bagi melihat sendiri persimpangan berkenaan selain mendapatkan maklumat tambahan sebelum aduan rasmi kepada pihak berkuasa.

"Untuk makluman, satu kemalangan membabitkan seorang penunggang motosikal dengan sebuah kereta telah berlaku di persimpangan menyebabkan penunggang tersebut cedera parah dan dirawat di hospital sebelum meninggal dunia beberapa hari kemudian."

Beliau berkata pihaknya akan terus menjalankan pemantauan di kawasan lain dan bersedia menjadi penghubung di antara pihak penduduk dengan DBKL serta agensi lain.

bagi mendapatkan gambaran jelas sebelum memanjangkan aduan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan pihak berkuasa yang berkaitan.

"Operasi tersebut disertai AJK MPPWPKL yang bermula selepas mesyuarat bulanan pada pukul 12 tengah malam dan berakhir pada pukul 3 pagi," katanya ketika dihubungi Wilayahku.

Jelas beliau, inisiatif tersebut diambil berikutnya pihaknya menerima aduan daripada penduduk yang khawatir dengan keadaan tersebut.

"Seperti yang dapat kita lihat, jalan tersebut agak berbahaya kepada penduduk dan kami mendapat pihak berkuasa perlu meningkatkan lagi ciri-ciri keselamatan bagi melindungi penduduk dan pengguna jalan raya yang lain," katanya.

Beliau berkata pihaknya akan terus menjalankan pemantauan di kawasan lain dan bersedia menjadi penghubung di antara pihak penduduk dengan DBKL serta agensi lain.

# Bantu belia dalam F&B

**MEDAN** Selera Singgang Madani@Batu Bata, Titiwangsa akan diserahkan kepada Majlis Belia Wilayah Persekutuan (MBWP) sebagai usaha untuk meningkatkan jumlah penyertaan golongan berkenaan dalam sektor perniagaan.

Menyatakan di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa ketika mengumumkan perkara itu berkata beliau telah berbincang dengan Datuk Bandar Kuala Lumpur dan secara prinsipnya telah bersetuju untuk menyerahkan kawasan medan selera Singgang Madani atau dikenali sebagai Medan Selera Damai Titiwangsa untuk dimajukan oleh MBWP.

"Saya telah bercakap dengan Presiden MBWP dan minta segera berikan kertas kerja dan bentangan kepada saya dan Datuk Bandar," katanya ketika berucap pada Malam Apresiasi Penggiat Belia Wilayah Persekutuan anjuran MBWP di ibu negara pada Ahad.

Terdahulu, Wartawan Eksekutif Akhbar Wilayahku, Mohamed Azlan Ahmad Zambray turut menerima Anugerah Khas Presiden Majlis Belia Wilayah Persekutuan kategori Pengamal Media.



MOHAMED AZLAN (kanan) menerima Anugerah Khas Presiden MBWP kategori Pengamal Media.

Hadir merasmikan, Yang Dipertua Negeri Melaka, Tun Dr Mohd Ali Mohd Rustam dan turut dihadiri Presiden MBWP, Khairul Rizam Abu Samah; Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan & Sosio Ekonomi) Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), Datuk Parang Abai @ Thomas; Ketua Jabatan Pencegahan Jenayah & Keselamatan Komuniti Kuala Lumpur, Senior Assistant Commissioner (SAC), Ravinder Singh A/L Sarban Singh; Pengarah Jabatan Belia & Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Sabran Abd

Bahar dan Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Izzat Afifi Abdul Hamid.

Menjelaskan lanjut, Zaliha berkata langkah menyerahkan medan selera berkenaan kepada MBWP untuk diuruskan secara tidak langsung akan dapat membantu para belia terlibat dengan perniagaan khususnya sektor makanan dan minuman (F&B).

"MBWP boleh memikirkan bagaimana untuk memeriahkan kawasan tersebut nanti supaya boleh menarik lebih ramai pengunjung termasuklah

golongan belia untuk terlibat dengan perniagaan," katanya.

Beliau yang juga Penaung MBWP berkata, sebagai pertubuhan gabungan belia, MBWP harus menumpukan kepada pemerksaan dan latihan kepada ahli yang lebih inklusif untuk golongan belia khususnya berumur dari 18 hingga 30 tahun.

"Usaha ini bukan sahaja selari dengan dasar MBM, bahkan ia akan memastikan MBWP kekal relevan sebagai platform belia yang mampu membawa dan mengangkat aspirasi belia di Wilayah Persekutuan," katanya.

## Karnival Pendidikan dan Kerjaya

# YWP BERI RUANG SERTA PELUANG

KHAIRUL IDIN

**N**ASIB golongan belia di Pulau Bebas Cukai Labuan terus diperkasa Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) menerusi penganjuran Karnival Pendidikan dan Kerjaya.

Berlangsung di Kompleks Ujana Kewangan baru-baru ini, karnival tersebut memberi peluang kepada golongan belia dalam bidang pendidikan dan kerjaya.

Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif YWP, Dr Abdul Basir V Kunhimohamed berkata penganjuran tersebut dapat memberi peluang dan ruang kepada golongan belia khususnya mereka yang melanjutkan pelajaran di menara gading.

"Melalui program ini, YWP telah menyalurkan pelbagai bentuk bantuan kepada masyarakat yang memerlukan



ABDUL BASIR (kiri) menyampaikan replika cek Bantuan Makanan Sekolah Menengah kepada Pengarah Jabatan Pendidikan Labuan.

khususnya kepada golongan asnaf dan pelajar di Labuan," ujarnya.

Antara bantuan yang disalurkan YWP adalah

Tuisyen Madani @ PUJI berjumlah RM25,528, Bantuan Makanan Sekolah dan Bantuan Back To School (RM100,800).

"Kita berharap dengan bantuan yang disalurkan dapat membantu meningkatkan taraf pendidikan dan kebajikan."

"Kita yakin dapat menyentik semangat para pelajar untuk terus berusaha dalam mencapai cita-cita," ujar beliau.

YWP turut menyerahkan replika cek kepada penerima sebagai simbolik komitmen terhadap inisiatif pendidikan dan kebajikan.

"Sijil penghargaan turut diberikan kepada pengajur utama dan agensi-agensi yang membuka ruruai," ujar beliau.

Terdahulu, ia turut mendapat kerjasama pelbagai pihak antaranya Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Perbadanan Labuan, Jabatan Pendidikan Labuan.



PASUKAN SMK Setapak Indah berjaya menaikkan bendera Malaysia di pentas SACC Thailand.

## Misi Ionjak Malaysia

**SEKOLAH** Menengah Kebangsaan (SMK) Setapak Indah berjaya memberikan saingan sengit apabila memenangi tempat kedua dan ketiga dalam Pertandingan International Robothon Challenge di Sea Complex Convention and Community Centre Bangkok, Thailand baru-baru ini.

Menurut Guru Pengiring, Nur Shazana Ahmad langkah untuk menghantar peserta ke pertandingan berkenaan adalah rentetan daripada kemenangan pasukan sekolahnya dalam Pertandingan National Robothon Challenge 2023 di Johor dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam pada tahun ini.

Pertandingan Leanbot yang dipertandingkan menguji kemahiran dan pengetahuan murid dalam *coding* menggunakan *phytaverse* dan peserta akan diberikan beberapa misi dan peta serta harus menyelesaikan misi dalam masa yang ditetapkan.

"Setiap murid diberikan dua kali percubaan dan peserta yang mencatatkan markah yang terbaik dikira pemenang," katanya kepada Wilayahku.

Nur Shazana memberitahu, persediaan dilakukan sejak akhir Julai dan memulakan latihan dengan menjemput jurulatih daripada syarikat 5t3m iaitu Ray bagi mengajar asas *coding*.

"Kemudian sehari dalam setiap minggu sekali kami akan berlatih untuk menyelesaikan *coding*. Namun pada dua minggu terakhir, setiap hari Isnin hingga Ahad kami *stayback* sehingga pulak 5.30 petang di Bengkel Agrikultur SMK Setapak Indah untuk memastikan persediaan yang mantap sebelum ke pertandingan tersebut," katanya.

Terdapat banyak acara di IROC, antaranya adalah Lego EV3, VEX IQ dan Leanbot.

"SMK Setapak Indah telah menghantar tiga pasukan dan berjaya mendapat tempat pertama di Expert Leanbot, Tempat kedua di Elite Leanbot dan tempat ketiga di Expert Leanbot."

"Antara negara yang turut serta dalam pertandingan tersebut termasuklah Malaysia, Thailand, Filipina, Vietnam dan Indonesia," katanya.

Katanya lagi, usaha gigih dan ikhtiar yang ditunjukkan pasukannya mendapat khabar gembira apabila mendapat penajaan yang mencukupi untuk membawa tiga pasukan bersama dua guru pembimbing ke sana.

"Berikut dana yang kami mohon adalah terhad dan hanya untuk keperluan pertandingan, kami hanya berada di sana selama dua hari satu malam."


"Dan sepanjang berada di sana, tiada masalah dan murid-murid turut mempamerkan semangat juang yang tinggi dan Alhamdulillah kami berjaya menyelesaikan misi penting iaitu menaikkan bendera Malaysia dan malah tiga kali nama sekolah kami disebut di pentas SACC Thailand," katanya.

Dalam pertandingan tersebut, 11 pasukan daripada lima buah sekolah Kuala Lumpur telah mewakili Malaysia dalam Pertandingan International Robothon 2024 yang berlangsung di Sea Complex & Convention Centre, Bangkok, Thailand pada 24 November lalu.

Prestasi cemerlang ditonjolkan dalam pertandingan berprestij tersebut apabila memenangi 11 anugerah yang dipertandingkan dalam pertandingan berprestij tersebut.



Bil 291 . 6 - 12 DISEMBER 2024



# TOKSIK di tempat kerja

>>10-11

# USAH BIAR DIRI TERBELENGGU

SABRINA SABRE & DIANA AMIR

**D**ALAM kehidupan moden, kualiti hidup seseorang sering kali diukur melalui beberapa aspek utama termasuk kerjaya, keluarga, kesihatan, cara berfikir dan nilai peribadi.

Kerjaya memberikan struktur dan stabiliti ekonomi, sementara hubungan keluarga menjadi sumber sokongan emosi dan kebahagiaan. Kesihatan baik fizikal maupun mental memainkan peranan penting dalam mengekalkan kesejahteraan keseluruhan, sementara cara berfikir positif membantu seseorang menghadapi cabaran dengan resilien.

Baru-baru ini Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz berkata menerusi dapatan Sistem Profiling Digital Kesihatan Psikologi Pegawai Perkhidmatan Awam (MyPsyD) yang dilaksanakan pada 1 Mac hingga September 2024, lebih 40,000 penjawat awam berisiko alami isu kesihatan psikologi.

Kajian Polis Diraja Malaysia (PDRM) pula mendapati kebanyakannya petugas mengalami tekanan dan cenderung membunuh diri adalah disebabkan persekitaran tempat kerja serta status kesihatan termasuk berdepan masalah penyesuaian di tempat baru, gagal mengawal daya tindak diri, kesunyian akibat berjauhan dengan keluarga selain kekecewaan dalam perhubungan.

Menurut Pakar Perunding Psikiatri, **Profesor Madya Dr Ng Chong Guan**, masalah psikososial ini bukan sahaja dapat dilihat memberi kesan kepada individu itu sendiri tetapi juga memberi impak kepada majikan, tempat kerja dan masyarakat.

"Masalah psikososial ini berlaku boleh disebabkan oleh beban kerja yang terlampau yang mana menyebabkan pekerja tidak cukup rehat, tidak ada masa untuk diri sendiri dan keluarga serta tidak ada keseimbangan antara kerja dan kehidupan sehari-hari."

"Kecanggihan teknologi juga kadangkala menyebabkan ada majikan yang mengambil kesempatan dan melampaui batas dengan menuntut pekerja bekerja tidak kira masa dan tempat. Lebih memburukkan keadaan, pekerja itu sendiri tidak dihargai dan tidak mendapat sokongan daripada majikan ataupun rakan sekerja di samping dibayar dengan gaji yang tidak setimpal dengan beban tugas."

"Di samping itu, hubungan seseorang pekerja dengan rakan sejawat, majikan ataupun pelanggan juga boleh mempengaruhi kesihatan psikososial pekerja. Ada pekerja yang dibuli, dikasari secara lisan ataupun fizikal, mengalami



CHONG GUAN

gangguan seksual sama ada daripada organisasi mereka sendiri maupun ketika berhadapan dengan pelanggan di premis mereka," ujarnya.

Beliau berkata segelintir pekerja terpaksa menghadapi diskriminasi dan birokrasi majikan

sehingga menyebabkan mereka menjadi trauma dan takut untuk ke tempat kerja.

"Pekerja yang mengalami situasi seperti ini sering kali memencarkan diri dan tidak mahu berkomunikasi atau bersosial dengan rakan sekerja lain selain sering mengambil cuti sakit akibat benar-benar sakit atau mengalami tekanan perasaan."

"Faktor penyebab masalah mental di tempat kerja memberi kesan dan impak yang sama dan yang membezakannya bergantung kepada individu itu sendiri. Faktor peribadi memainkan peranan besar kepada pencetus tekanan di tempat kerja dan paling utama cara setiap individu itu menghadapinya yang menjadi punca emosi dan pemikiran terganggu," ujarnya.

Menurut Chong Guan, ramai pesakit mental enggan mendapatkan rawatan disebabkan malu dan merasakan mereka tidak sakit.

"Kebanyakannya lebih gemar menyimpan masalah, tidak mahu berkongsi dengan keluarga atau rakan sehingga akhirnya tekanan sukar dikawal. Ada pula bertindak ganas dengan mencederakan diri sendiri."

"Ada pekerja yang cuba mengambil jalan mudah melibatkan diri dengan gaya hidup yang tidak sihat seperti merokok, mengambil alkohol berlebihan, penyalahgunaan dadah, makan berlebihan, kurang bersenam dan kurang tidur."

"Masalah psikososial ini sering berkait rapat dengan risiko kesihatan mental dan fizikal. Dalam hal ini, masyarakat perlu disedarkan bahawa semua pihak perlu bertanggungjawab untuk membantu individu yang berada dalam krisis gangguan kesihatan mental."

"Pesakit tidak seharusnya dibiarkan, sebaliknya ahli keluarga atau rakan perlu membawa mereka bertemu pakar psikiatri secepat mungkin. Ahli keluarga harus mengenali tanda penyakit mental seperti murung, jadi pendiam atau bertindak di luar kebiasaan."

"Gejala burnout dalam kalangan pekerja sering kali dikaitkan dengan kegagalan untuk mengawal stres. Mereka yang burnout akan merasa tidak seronok dan tidak minat untuk melakukan kerja malahan boleh jadi sampai satu tahap tidak peduli dengan apa yang berlaku."

"Jika tidak dibendung, ia boleh merebak untuk melibatkan



gangguan kesihatan mental yang lebih teruk seperti kemurungan, keresahan sehingga seseorang pekerja itu tidak dapat melaksanakan tugas seperti biasa," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau berkata dari segi perundangan pula, Seksyen 15 (1) Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 menyatakan "Adalah menjadi kewajipan tiap-tiap majikan dan tiap-tiap orang yang bekerja sendiri untuk memastikan, setakat yang praktik, keselamatan, kesihatan dan kebajikan semasa bekerja semua pekerjanya".

"Ini meletakkan keperluan kesihatan fizikal dan mental kepada majikan untuk mempersiapkan kemudahan tersebut."

"Seksyen 15 tidak menyatakan secara terperinci tentang apakah keperluan keselamatan, kesihatan dan kebajikan semasa bekerja, namun seharusnya kesihatan mental dan psikososial yang merupakan sebahagian daripada keselamatan, kesihatan mental serta fizikal perlu ada perincian kemudahan dan sokongan juga prosedur operasi standard (SOP) dalam mengendalikannya."

"Oleh itu, perlu ada dasar yang jelas tentang masalah psikososial dan kesihatan mental di tempat kerja ditambah lagi dengan peningkatan

kes-kes kemurungan dan bunuh diri yang tidak kira agama dan bangsa terutamanya selepas pandemik berkaitan dengan tempat kerja. Jika hal ini tidak ditangani, ianya akan bertambah buruk dan meruncing," ujar beliau.

Menurut Chong Guan, jasa dan sumbangan para pekerja perlu sentiasa dihargai kerana mereka adalah tonggak pembangunan negara.

"Jika semua pekerja bekerja dengan suasana persekitaran yang gembira dan tidak toksik dan tiada diskriminasi maka mereka akan lebih produktif yang akan memberi sumbangan yang lebih bermakna kepada institusi, masyarakat dan negara," ujarnya.

Justeru itu, beliau berkata individu yang mengalami masalah tekanan di tempat kerja perlu maklumkan kepada pihak berwajib dan dapatkan bantuan untuk tindakan selanjutnya.

"Pihak syarikat juga perlu memainkan peranan penting dalam membantu pekerja yang berdepan masalah tekanan atau stres," tambahnya.

## ATURAN FLEKSIBEL

MEMASTIKAN kesihatan mental yang baik di tempat kerja penting untuk kesejahteraan individu

memandangkan kebanyakan masa seseorang dihabiskan di tempat kerja.

Chong Guan berkata kesejahteraan mental berkait rapat dengan produktiviti dan kesihatan mental yang baik di tempat kerja membawa manfaat seperti meningkatkan fokus dan kualiti kerja, mengurangkan ketidakhadiran, meningkatkan motivasi, kerjasama yang lebih baik dan kadar pengekalan pekerja yang lebih tinggi.

Beliau turut menekankan kepentingan memperbanyak perbincangan terbuka mengenai kesihatan mental, menggalakkan pekerja bercakap mengenai cabaran dihadapi mereka dengan menjalankan kerahsiaan dan mendaftar dalam Program Bantuan Pekerja (EAP).

"Strategi lain termasuk memperuntukkan bajet untuk inisiatif kesihatan mental dan membangunkan dasar yang mengutamakan kesihatan mental berkaitan waktu kerja, beban kerja, persekitaran yang selamat dan sihat serta dasar tiada diskriminasi."

"Benarkan aturan kerja yang fleksibel mengikut kesesuaian. Ini akan membolehkan pekerja menyeimbangkan antara kerja dan kehidupan dengan lebih baik," ujarnya.

## PERSEKITARAN TEMPAT KERJA TOKSIK



Sebarang pekerjaan di mana persekitaran, individu dan tugas itu sendiri menyebabkan gangguan pada kehidupan seharian anda.

- ✓ Ramai pekerja jatuh sakit.
- ✓ Ketua yang terlalu narsistik.
- ✓ Rakan sekerja sugul dan tidak ceria.
- ✓ Kurang komunikasi.
- ✓ Ramai pekerja letak jawatan.
- ✓ Terlalu banyak gosip dan spekulasi.
- ✓ Rakan sekerja tidak boleh dipercayai.

**Semua pekerjaan ada stres, tempat kerja toksik akibatkan kemurungan, terlalu lelah dan jatuh sakit.**

## BUDAYA KERJA NEGATIF DAN PERSEKITARAN TOKSIK PERLU DIHINDAR

Persekutuan toksik di tempat kerja?  
Rakan kerja yang toksik? Majikan yang toksik? Budaya kerja yang toksik?

### BUDAYA



Menerima arahan yang tidak masuk akal daripada pihak majikan yang dirasakan tidak relevan.



Perlu menyelesaikan semua kerja orang lain sedangkan bukan skop kerja kita.



Dibuli dan direndah-rendahkan oleh pekerja lama dan dijadikan sebagai tempat melepaskan marah, kutukan dan hinaan.



Mempunyai rakan yang suka berkata belakang, merasakan diri bagus dan hebat serta suka berkata ikut suka tanpa memikirkan situasi orang lain.

### LANGKAH



Jangan membabi buta menerima arahan yang tidak sepatutnya. Jika tidak tahan, carilah peluang pekerjaan baru.



Bukanlah berkira kerja, namun tidak perlulah tunduk dan menyelesaikan tugas orang lain. Sama-sama makan gaji kan?



Orang lama tidak semestinya betul. Jika dibuli, direndahkan dan dipulau, cari tempat yang betul untuk mengadu. Jangan memendam dan berdiam diri. Kelak nanti merana diri sendiri.



Jangan ambil peduli orang yang mempunyai sikap negatif seperti ini. Abaikan dan doakan mereka berubah. Perkara yang baik akan datang kepada anda dan satu hari nanti BUKU AKAN BERTEMU RUAS.

**AYUH UBAH BUDAYA KERJA NEGATIF TOLAK TOKSIK DI TEMPAT KERJA**

# Program kesihatan mental di pejabat



**BULI**, gosip, pilih kasih, fitnah, diskriminasi, kegagalan komunikasi dan gangguan seksual antara jenis toksik yang didapati wujud dalam suasana pekerjaan sehingga mengundang pelbagai implikasi negatif termasuk kemurungan terhadap golongan pekerja.

Kajian terkini juga menunjukkan peningkatan kes kemurungan dan kebimbangan dalam kalangan masyarakat, sekali gus mencerminkan realiti bahawa ramai yang berasa terasing dan tidak difahami, walaupun hidup di tengah-tengah komuniti yang sibuk.

Menurut Kaunselor Pelatih dari Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, **Nurfilzah Emily Mohamad Khairuddin**, pakar kaunseling menekankan kepentingan menerima bahawa tidak semua orang mampu memahami sepenuhnya cabaran yang dihadapi oleh individu lain.

“Namun, ini tidak bermakna masyarakat harus bersikap acuh tak acuh sebaliknya, kita perlu memupuk budaya empati dan sokongan komuniti yang lebih kuat.

“Antara langkah praktikal yang boleh diambil oleh pihak berkuasa, institusi pendidikan dan masyarakat umum adalah memperkuatkukuh program kesihatan mental di sekolah serta tempat kerja dengan menyediakan akses mudah kepada kaunselor terlatih dan mengadakan

bengkel pengurusan stres secara berkala.

“Seterusnya, menggalakkan dialog terbuka tentang cabaran hidup dalam masyarakat menerusi forum komuniti atau program media yang membincangkan isu-isu semasa dengan sensitiviti.

“Selain itu, lebih banyak ruang dan peluang untuk interaksi komuniti yang bermakna perlu diwujudkan seperti taman awam mesra keluarga atau pusat komuniti yang menawarkan pelbagai aktiviti untuk semua peringkat umur,” katanya.

Tambahnya kesedaran tentang

sumber bantuan sedia ada termasuk talian bantuan dan perkhidmatan kaunseling juga perlu ditingkatkan melalui kempen kesedaran awam dan penyebaran maklumat yang meluas di media sosial dan platform digital lain.

Nurfilzah berkata masyarakat yang penyayang dan saling membantu adalah kunci dalam menghadapi cabaran hidup moden.

“Dengan memupuk nilai-nilai kemanusiaan seperti empati, toleransi dan kerjasama, kita boleh membina komuniti yang lebih berdaya tahan serta saling menyokong,” ujarnya. 

## Tidak berbaloi gadai kesihatan diri sendiri

**AKIBAT** teruk dibuli oleh rakan sekerja, seorang wanita mendedahkan dia terpaksa mengambil ubat antidepressi dengan dos yang lebih tinggi.

Wanita yang berusia 25 tahun itu berkata, dia didiagnosis *major depressive disorder* dan dos ubat telah dinaikkan enam kali ganda iaitu daripada 0.5 kepada 30 miligram.

“Situasi dan persekitaran yang toksik di tempat kerja memburukkan lagi keadaan mental saya,” katanya.

Jelasnya, dia mempunyai hubungan tidak baik dengan dua rakan sekerja yang gemar bercakap buruk tentang dirinya sehingga menyebabkan wanita itu membuat keputusan untuk menjarakkan diri.

“Saya tidak tahan dengan mereka yang penuh dengan sifat negatif, bercakap buruk di belakang saya. Pada awalnya, saya tekan untuk tidak makan tengah hari bersama mereka sebab lebih selesa untuk menyendiri.

“Disebabkan itu, mereka mengadu kepada pengurus dengan

mengatakan saya bersifat kurang ajar terhadap mereka,” ujarnya.

Sementara itu, seorang wanita yang hanya mahu dikenali sebagai **Hasmah** berkata dirinya pernah digelar gila ketika bekerja di sebuah syarikat swasta pada tahun 2014.

“Sepanjang bekerja saya mendapat layanan buruk dan dilemparkan dengan kata-kata kesat yang tak sepatutnya. Saya turut dianiaya oleh rakan sekerja dan dipanggil oleh pihak syarikat seterusnya dimarahi sehingga saya pengsan.

“Belum sempat saya mempertahankan diri, saya dimaki di hadapan pekerja lain. Maka bermulalah detik hitam apabila saya dikejarkan ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) sebagai pesakit psikiatri.

“Pihak HKL ada memberikan surat rujukan untuk saya cuti dan pulang ke kampung bagi menenangkan fikiran. Membaca surat itu ada yang menggelarkan saya ‘gila’ di pejabat,” kongsinya yang mengambil keputusan untuk

berhenti kerja dan memulakan karier baharu di sebuah syarikat lain pada tahun berikutnya.

Turut berkongsi pengalamannya bekerja di tempat yang toksik, seorang lelaki yang hanya dikenali sebagai **Jazli** berkata meskipun dirinya sudahpun memegang jawatan tinggi dalam syarikat namun dia juga tidak terlepas dengan sikap biasa pihak pengurusan syarikatnya.

“Kejadian berlaku ketika saya berada di bawah kelolaan dua bos tertinggi iaitu Ketua Jabatan serta Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) di mana saya kerap dimarahi dengan sangat teruk di hadapan staf lain tanpa belas kasihan.

“Tekanan yang dialami sangat dahsyat membuatkan saya berjumpa doktor dan beliau merujuk saya ke Institut Jantung Negara (IJN). Doktor juga secara peribadi turut mencadangkan saya meletakkan jawatan demi kesihatan,” ujarnya yang trauma hingga membuatkan dirinya berasa panik dan begitu takut untuk melakukan kesilapan. 



# TEMU DBKL LABUH TIRAI 2024

SHUAIB AYOB

**D**EWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menutup tirai Program Temu DBKL tahun 2024 di Parlimen Kepong selepas menjelajah 10 kawasan Parlimen lain di Kuala Lumpur sepanjang tahun 2024.

Namun, susulan sambutan luar biasa yang diterima, ia bakal diteruskan pada tahun hadapan sekali gus mencerminkan komitmen DBKL dalam usaha mendekati warga kota untuk memberikan perkhidmatan perbaik.

Seperti Program Temu DBKL yang lain, pelbagai aktiviti disajikan buat pengunjung antaranya reruui pameran dan perkhidmatan daripada jabatan

dalam DBKL, agensi kerajaan dan swasta antaranya Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Pejabat Parlimen Kepong, Kementerian Belia dan Sukan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) serta banyak lagi.

Selain itu, turut diadakan aktiviti menarik seperti Larian Santai Keluarga sejauh 3.5 kilometer, kaunter pembayaran saman dan cukai taksiran DBKL, Jualan Rahmah dan AgroMADANI.

Terdahulu, majlis disempurnakan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif.

Lensa Wilayahku sempat merakamkan program terakhir Temu DBKL untuk tahun 2024. 





# AROMA REMPAH WARISAN PENAMBAT SELERA

DIANA AMIR  
Foto: SYUQQREE DAIN

**M**ENU ikan bakar menjadi penambat selera lebih-lebih lagi ketika tibanya waktu makan tengah hari. Kombinasi rempah ratus serta teknik pembakaran yang sempurna menjadikan ia pilihan utama sesiapa sahaja.

Bagi penggemar menu yang satu ini, anda pasti tidak asing lagi dengan hidangan yang disajikan di Zam Ikan Bakar, Cyberjaya.

Mempunyai pengalaman lebih 20 tahun dalam industri makanan dan minuman (F&B), antara keunikan ikan bakar di sini terletak pada resipi perapan warisan turun-temurun.

Menurut Pengurus Restoran Zam Ikan Bakar, **Muhammad Fadhuli Mohd Zawawi**, beliau mengekalkan penggunaan rempah ratus turun-temurun yang terdiri daripada halia, lengkuas, bawang putih dan serai yang mencukupi bagi rasa yang hebat.

"Selain itu, keunikan rasa air asam yang seimbang dari segi masam, manis, masin dan pedas juga menjadi antara kekuatan Zam Ikan Bakar.

"Rata-rata pelanggan yang mencuba menu ikan bakar memberikan maklum balas yang amat positif dan setiap kali habis waktu makan tengah hari memang ikan bakar akan licin," kongsinya.

Mengulas lanjut, Muhammad Fadhuli berkata pihaknya akan menerima stok ikan segar sebanyak

200 kilogram (kg) manakala untuk hujung minggu mencecah sehingga 500kg sehari daripada pembekal.

"Kesemua stok yang dihantar setiap hari akan habis sementara sebelah malam pula, kita akan menerima stok ikan baharu yang sampai pada sebelah petang.

"Jadi pelanggan memang akan menikmati ikan yang segar daripada kedai kita," katanya.

Menyediakan pilihan menu ikan bakar sejak lebih 25 tahun, Zam Ikan Bakar menawarkan lebih 10 jenis ikan bakar dan 70 pilihan lauk untuk dinikmati.

"Aroma ikan bakar dan pelbagai lauk-pauk tradisional pasti akan membantikkan selera pengunjung yang singgah di sini.

"Kita mempunyai pelbagai jenis ikan bakar berempah seperti tilapia, kembung, cencaru, keli, gerut selain ayam, kerang dan sotong gergasi. Selain bakar, kita juga turut menawarkan menu makanan panas," ujarnya.

## TEPATI CITA RASA

**M**ULA bermula sejak 1997, Muhammad Fadhuli berkata perniagaan tersebut telah melalui pelbagai proses penjenamaan semula dan merupakan antara gerai makanan terawal yang bertapak di Cyberjaya.

"Sebelum ini kita bermula di kawasan hentian bas berhadapan Dpulze dan ketika itu tiada lagi pembangunan di sekitar kawasan ini termasuklah kedai makan pun tidak banyak pilihan."

"Antara yang membuatkan jenama kami masih kukuh sehingga kini adalah selain mengekalkan tekstur yang sama, kami juga mempunyai pelanggan yang setia sejak dulu kemudian disambung pula oleh generasi-generasi mereka."

"Di awal pembukaan kedai kami di kawasan CBD Perdana 2, Cyberjaya, kawasan ini agak sunyi dan kurang dikunjungi orang ramai jadi ada sedikit kerisauan

buat kami pada hari pertama pembukaan kedai tambahan pula baru sahaja selepas tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) namun alhamdulillah Allah sebaik-baik perancang, kami menerima jumlah pelanggan yang sangat luar biasa dan ia berterusan sehingga kini.

"Pembukaan kedai kami juga secara tidak langsung berjaya menghidupkan kawasan sekitar ini kerana bukan semua orang sanggup untuk beratur dan ada

sahaja yang berpindah ke kedai berhampiran untuk menjimatkan masa," jelasnya perniagaan tersebut bermula dengan satu unit kedai sahaja dan kini telah dilebarkan sehingga tiga unit kedai dan mampu memuatkan sehingga 400 pelanggan dalam satu masa.

Menurutnya, restoran yang berkonsepkan layan diri itu menjadi pilihan pelbagai bangsa termasuk pelancong luar negara seperti Singapura, Korea dan sebagainya. 

Alamat: Lot 4806-0-09 CBD PERDANA, 2, Jalan Perdana,

63000 Cyberjaya

Waktu Operasi : Isnin hingga Sabtu (10.30 pagi sehingga 11 malam)  
Ahad (Tutup)

Harga: Bermula RM10 sehingga RM60  
(mengikut saiz, jenis dan harga pasaran)





# AWAS! SCAMMER JUGA BUAT R&D

METRA SYAHRIL MOHAMED  
Foto: SHUAIB AYOB

**G**OLONGAN yang melakukan perbuatan *scam* atau penipuan, baik secara bersemuka maupun dalam talian (*online*), dilihat sering kali menukar modus operandi mereka bagi menjerat mangsa.

Pelbagai cara dan lakonan dilakukan mereka termasuk menyamar sebagai anggota polis serta agensi penguat kuasa lain.

Itu belum lagi yang menawarkan elemen-elemen percintaan melalui *love scam* selain pelaburan tidak wujud yang akhirnya membuatkan mangsa ‘terbau’ dengan janji-janji palsu.

Bercakap mengenai perkara itu, Pengarah (Kawal Selia) Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) Selangor, **Mohamad Syukri**

**Jamaluddin** mengingatkan semua bahawa scammer juga melakukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi melunaskan tujuan mereka untuk menipu.

“Sudah banyak kempen kesedaran dilakukan tetapi masih ada yang menjadi mangsa. Hal demikian kerana orang jahat (*scammer*) ini ada teknik-teknik yang mereka lakukan, mereka juga ada R&D nak menjerat mangsa.

“Mereka mengkaji bagaimana nak menipu, kaji latar belakang mangsa, kemudiannya barulah mangsa didekati.

“Dengan adanya teknologi kecerdasan buatan (AI), R&D penipu ini lagilah berkembang cepat,” katanya.



Beliau berkata demikian dalam Forum Keselamatan Dalam Talian yang diadakan di Studio TV, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media (FKPM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Selangor baru-baru ini.

Forum tersebut dianjurkan YWP Media dengan kerjasama FKPM UiTM Shah Alam dan MCMC bersempena Festival Komunikasi dan Media (COMMED).

Selain beliau, panel terlibat dalam forum berkenaan adalah Pengurus YWP Media Sdn Bhd, Datuk Afdlin Shauki; Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Komersial Putrajaya, Asisten Superintenden Rastam Affendi Md Ramli dan Pensyarah Kanan FKPM UiTM, Dr Anuar Ali manakala penyampai radio popular, Fara Fauzana bertindak sebagai moderator.

**Mohamad Syukri** berkata, perkembangan teknologi dan penjenayah yang semakin bijak menyumbang kepada kes-kes penipuan yang seakan-akan tidak berpenghujung.

“Sebab itu kita perlu lebih bijak daripada mereka dan sentiasa berwaspada terhadap petanda-petanda *scam* bagi mengelak diri menjadi mangsa,” katanya.

Beliau turut menasihatkan semua pihak supaya berhati-hati menggunakan WiFi awam untuk sebarang transaksi persendirian khususnya perbankan. Katanya, apa-apa WiFi awam, ciri-ciri keselamatannya adalah rendah kerana boleh berlaku pelbagai pencerobohan data.

“Namanya pun *public* (awam) dan apabila nak buat transaksi perbankan, contohnya, itu sudah dikira *private* (peribadi). Boleh berlaku pencerobohan data, sesiapa sahaja boleh connect atau letak spyware (perisian perisik),” katanya.

Dalam pada itu, beliau menarik perhatian ramai apabila memaklumkan data-

data mengenai usaha MCMC menyekat panggilan *scammer* yang kebanyakannya dari luar negara.

Katanya, dari 2022 sehingga tahun ini, sebanyak 1.4 bilion panggilan *scammer* sudah disekat MCMC, paling tinggi menyamar sebagai pegawai polis.

Malah beliau berkata, sejumlah 1.2 bilion khidmat pesanan ringkas (SMS) mencurigakan juga disekat bagi menangani jenayah penipuan.

Itu belum lagi sejumlah 118,000 nombor telefon yang sudah dihapuskan bagi tujuan keselamatan selain MCMC bertindak menurunkan 57,000 kandungan di media sosial.

Kepada soalan mengenai isu data peribadi dicuri, beliau berkata, ia juga bergantung kepada sikap mangsa sendiri yang mudah memberikan maklumat peribadi terutama di media sosial ketika melakukan transaksi pembelian secara dalam talian atau memuat turun aplikasi tertentu.

“Kita yang bagi kebenaran (meletakkan data-data peribadi) ketika hendak memuat turun sesuatu aplikasi. Kadang-kadang kita dirapati jurujual dan mereka meminta nombor telefon dan sebagainya, kita mudah nak bagi data-data tersebut,” katanya.



# USAHAWAN PERLU TERIMA PERUBAHAN DIGITAL

AINI MAWAWI

**P**ERKEMBANGAN teknologi ketika ini menjadikan platform media sosial sebagai salah satu fenomena pemasaran yang digunakan oleh organisasi atau individu untuk menjual barang secara langsung di TikTok, Facebook, YouTube dan sebagainya.

Dalam masa sama, ia menyaksikan wujudnya kerjaya sebagai *live host* yang kini menjadi rebutan terutamanya dalam kalangan anak muda sekali gus membuktikan usahawan perlu mempersiapkan diri serta menerima dengan terbuka perubahan digital pada hari ini.

Memberi pandangan tentang perkara tersebut, Pengurus Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM) Putrajaya, **Datuk Seri Muhamad Khanafi Husin** berkata, sebagai usahawan mahu atau tidak mereka perlu menerima perubahan digital yang kini menjadi satu kemestian.

"Tak boleh nak tolak sebab kita berada di era digital. Tidak dinafikan masyarakat kini lebih suka mendengar dalam bentuk video kerana ia lebih ringkas dan padat.

"Jika sebelum ini orang lebih suka membaca, menggunakan poster dan sebagainya tetapi pada masa kini kita dapat lihat pembaca lebih tertarik melihat video pendek kurang daripada tiga minit. Disebabkan itu juga kita lihat, masing-masing berlumba untuk bermula secara dalam talian.

"Pada pandangan saya, peniaga dalam talian ini, mereka boleh bertahan kerana bisnes tersebut tidak memerlukan



**KHANAFI**



KERJAYA sebagai live host kini menjadi rebutan terutamanya dalam kalangan anak muda. - Gambar hiasan

kos besar dari segi operasi selain capaian pemasaran juga tinggi selagi mana adanya Internet. Cuma cabarannya adalah daripada segi persaingan.

"Ketika ini orang dah mula tidak bermula menggunakan kedai fizikal, masing-masing muah bermula dalam talian, jadi persaingan dengan orang yang menjual barang yang sama di pasaran dalam talian adalah sangat tinggi.

"Untuk itu, peniaga kena ada inovasi, tidak boleh dengan cara

yang sama, jadi setiap hari perlu fikir strategi supaya kita kelihatan lebih menarik walaupun jual produk yang sama," ujarnya.

Muhamad Khanafi menasihatkan usahawan agar peka dengan lima tips untuk memastikan perniagaan dalam talian kekal relevan iaitu menggunakan teknologi, memahami serta mengenali audiens, memastikan produk berkualiti, berinovasi dalam produk dan servis serta mengikuti trend dan perubahan dalam persekitaran bisnes.

"Usahawan seharusnya memahami apa literasi digital serta kepentingannya seperti memahami *algorithm*, platform e-dagang dan sebagainya, jika mereka faham,

insya-Allah akan bertahan.

"Selain itu, perlu juga memahami kehendak pelanggan kerana minat akan sentiasa berubah-ubah. Penting juga untuk melihat fokus pencapaian untuk jangka masa panjang, jangan sesekali berfikir untuk jangka masa pendek.

"Dari sudut inovatif dan kreatif pula, fikirkan kandungan kreatif jika tidak mampu menyediakannya, upah mereka yang layak agar sentiasa tampak segar di pandangan mata audiens," ujarnya lagi.

Menyentuh tentang usaha DPIM dalam membantu usahawan dalam talian berkembang, beliau berkata, ia masih mempunyai peminatnya yang tersendiri kerana setiap perniagaan itu memiliki kelebihan dan kekurangan yang pastinya ia turut dipengaruhi oleh perkembangan semasa. 

taklimat percuma kepada usahawan dengan kerjasama agensi berkaitan digital antaranya Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC).

"Kita bantu melalui geran disediakan MDEC sebanyak RM5,000, usahawan yang berjaya MDEC minta panel-panel digital mereka menyediakan konten pemasaran digital kepada pihak usahawan," ujarnya.

Ditanya adakah perniagaan fizikal tidak lagi mendapat sambutan pada masa kini, Muhamad Khanafi berkata, ia masih mempunyai peminatnya yang tersendiri kerana setiap perniagaan itu memiliki kelebihan dan kekurangan yang pastinya ia turut dipengaruhi oleh perkembangan semasa.

**POPADOM** kini boleh didapati di Book Capital Mall, Kota Buku.  
Boleh juga tebus baucar DELIMA untuk **POPADOM**.

harga  
**RM19.90**

AFLIN SHAUKI  
**POPADOM**

# NOSTALGIA ERA KAFE SIBER

KU SEMAN KU HUSSAIN

**S**IAPA yang pernah menjadi pengunjung kafe siber akhir tahun 1990-an lalu angkat tangan? Sudah tentu mereka yang berkenaan kini menjengah usia setengah abad. Menariknya mereka telah menyaksikan perubahan pesat yang berlaku dalam bidang teknologi komunikasi – daripada komputer meja kepada telefon pintar. Daripada Internet yang perlahan kepada berkelajuan tinggi hari ini.



PENULIS BEBAS

Ketika zaman awal itu Internet menjadi satu istilah baharu yang diulang sebut oleh banyak pihak sekalipun tidak semuanya faham tentang hal yang sebenar. Lebih kurang sama seperti kegairahan banyak pihak masa ini yang bercakap mengenai AI atau kecerdasan buatan. Semua perkara hendak dikaitkan dengan AI.

Seolah-olahnya tidak sebut AI membawa pengertian tidak maju atau tidak bergerak selari dengan zaman. Banyak ucapan para pembesar pula seboleh-bolehnya ada terselit perkataan AI sekalipun di luar konteks sama sekali. Begitulah gambaran zaman awal Internet dulu.

Ketika Internet mula diperkenalkan di negara ini, komputer yang merupakan perkakas utama. Tetapi tidak banyak yang mampu memiliki komputer yang monitornya berbonjol panjang di belakang. Kalau mampu sekalipun, kelajuan Internet ketika itu amat rendah – perlahan macam kura-kura.

Internet dan komputer muncul sebagai suatu yang semakin penting dalam kehidupan masyarakat. Perkembangan itu membawa perubahan signifikan dalam bidang komunikasi dan maklumat. Malah seolah-olah macam mimpi apabila laman sesawang menjadi jaringan menghubungkan segenap pelosok dunia.

Bagaimanapun peluang sebahagian besar dalam kalangan masyarakat untuk mengakses Internet amat terhad disebabkan komputer merupakan barang mewah. Kalau



SATU ketika dahulu kafe siber memberikan pulangan yang agak besar berbanding kafe biasa. - Gambar hiasan

dibandingkan harga komputer meja atau komputer riba sekarang jauh lebih murah dengan teknologinya yang jauh di depan.

Dalam keadaan seperti itulah lahir idea kreatif iaitu mengusahakan pusat yang menyediakan perkhidmatan untuk menggunakan komputer yang tersedia talian Internet. Perkhidmatan itu dinamakan kafe siber yang diterjemah daripada *cyber cafe* di luar negara.

Ketika itu kafe siber memberikan pulangan yang agak besar berbanding kafe biasa yang remehnya berganda. Bukan mudah untuk menyediakan masakan – terlebih rugi, kalau tidak cukup pula kecil untungnya. Tetapi hal seperti itu tidak berlaku di kafe siber.

Malah kafe siber itu pun bukan kafe sebenarnya, tidak dijual minuman atau makanan. Di luar negara konsep kafe siber memang adalah kafe. Seperti kafe buku (*book cafe*) memang ada buku di ruang kafeny. Bagaimanapun kafe siber kita hanya penuh dengan bungkah-bungkah komputer sahaja.

Lalu berduyun-duyunlah meneroka peluang sebagai operator kafe siber terutama di Kuala Lumpur. Sambutan yang menggalakkan

terutama dalam kalangan remaja menjadikan kafe siber satu bidang yang dilihat secara luaran menjadi pemangkin pada literasi komputer dan Internet.

Saya hanya ada pengalaman beberapa kali menggunakan khidmat kafe siber disebabkan sistem Internet dan komputer sudah tersedia di pejabat. Saya mendapat ada sesetengah kafe siber kurang menitikberatkan keselesaan – ruang sempit dan sesak antara manusia dan komputer.

Ketika zaman kemuncak kafe siber, ada beberapa kelab dangdut yang sebelum itu menjadi fenomena di Kuala Lumpur sudah beralih menjadi kafe siber. Barangkali peminat dangdut pun sudah letih menari dengan kelab dangdut dan ia menyusut sedikit demi sedikit.

Maka kelab dangdut yang dulunya banyak dikunjungi oleh dalam kalangan pesara atau golongan veteran berbaju batik dan berseluuar putih menjadi semakin sepi. Akhirnya beberapa kelab dangdut diubah suai menjadi kafe siber yang banyak dikunjungi oleh kalangan orang muda.

## JADI FENOMENA

SEBELUM terlupa, perlu disebutkan juga bahawa itulah zaman awal kemunculan surat elektronik atau e-mel. Seingat saya *servere-mel* yang paling popular ketika itu adalah Hotmail. Kalau ada akaun Hotmail dikira hebatlah. Bagaimanapun sektor awam dan swasta masih menggunakan surat fizikal dalam urusan harian.

Mereka yang mempunyai akaun e-mel itulah yang menjadi sebahagian besar pelanggan kafe siber. Di mana lagi hendak menghantar atau membaca e-mel kalau bukan kafe siber? Di pejabat tidak semua orang boleh mengakses Internet kecuali yang berpangkat tinggi.

Ketika itu juga muncul banyak saluran berbual secara siber yang disebut ‘chatting’. Itulah mulanya perbualan secara langsung menggunakan teks dengan individu yang entah di mana duduknya. Tidak pernah terbayang wujudnya teknologi berbual secara langsung menggunakan teks.

Kafe siber juga menjadi pemangkin mencari jodoh kerana komputer yang ada talian Internet membolehkan pelanggan melayari saluran-saluran bual siber. Malah itulah antara tarikan utama sesetengah individu yang memerlukan berjam-jam dalam keadaan samar-samar di kafe siber.

Kalau sebelum itu banyak yang bertemu

jodoh di halaman Kembang Setaman di majalah URTV, tetapi akhir tahun 1990-an banyak bertemu di kafe siber. Mereka bertemu secara maya di saluran-saluran bual siber yang amat mengasyikkan. Malah jauh lebih interaktif berbanding halaman Kembang Setaman.

Sementara remaja yang masih bersekolah pula lebih cenderung melayari laman-laman yang menyediakan permainan yang lebih interaktif sifatnya. Amat sedikit yang menggunakan kafe siber untuk mencari maklumat sekalipun peluang itu tersedia di depan mata.

Sebab itulah banyak kafe siber yang amat bingit suasannya kerana pelanggan remaja melayari laman permainan. Bunyi senapang yang memberti, bom dan sebagainya yang menjadikan kafe siber tempat remaja membuang masa. Malah ada yang ponteng sekolah dan memerap di kafe siber.

Di kafe siber, secara umumnya ada dua golongan. Pertama golongan remaja yang gemar permainan siber dan bual siber, sementara golongan yang lebih berusia tersengih seorang diri di depan komputer melayan rakan bualnya secara maya. Masa terbuang tanpa dirasa kerana leka berbual dengan menggunakan teknologi baharu bernama Internet.

Sekalipun secara luaran tumbuhnya kafe siber bagaikan cendawan musim hujan itu dilihat sebagai ekosistem yang meningkatkan kadar literasi Internet dan komputer, hakikat adalah di sebaliknya. Tidak banyak yang boleh dilihat sebagai menjurus pada peningkatan kadar literasi teknologi maklumat.

Kafe siber hanya memenuhi tuntutan masyarakat daripada gelembung teknologi maklumat dengan adanya Internet. Malah merupakan satu bentuk perniagaan menyediakan ruang eskapisme dan keseronokan – tidak kira kepada remaja atau yang lebih berusia.

Akhirnya teknologi jugalah yang mengantikan teknologi. Kini teknologi juga yang menjadikan dunia di tergenggam di telapak tangan kita. Telefon pintar adalah segala-galanya.

Teknologi di kafe siber sudah menjadi barang ‘purba’ dan generasi Milenial tidak dapat membayangkan kepurbahan kafe siber. Bagaimanapun tanpa ilmu, kita terus menjadi pengguna yang pasif dan kerap dimangsai oleh teknologi.

**SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.**

## RAGAM KOTA

MATOMATO



Sebarang maklumat berhubung **Editorial Wilayahku**, sila hubungi alamat tertera:  
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.

Tel: 03-8861 5260 | E-mail: [editorialwilayahku@gmail.com](mailto:editorialwilayahku@gmail.com)

ZULKIFLI SULONG

**K**AKITANGAN awam atau penjawat awam akan menikmati kenaikan satu gaji tahunan berkuat kuasa Disember 2024 sebagaimana yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim (PMX) dalam Majlis Sambutan Hari Pekerja 2024 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, Rabu – 1 Mei 2024.

Pemberian kenaikan gaji menurut Anwar adalah sebagai menghargai jasa dan pengorbanan serta penat lelah para penjawat awam seramai dua juta sebagai kawan setia kerajaan. Kenaikan gaji akan melibatkan implikasi kewangan berjumlah RM10 bilion.

Dalam perkembangan sama, kerajaan juga tidak melupakan penjawat awam di Sabah dan

Sarawak yang akan mendapat manfaat daripada penyelarasan Akta Kerja 1955 yang terpakai di Semenanjung Malaysia yang akan dibentang dan dipinda pada sidang Parlimen akan datang.

Pada 16 Ogos 2024 dalam Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam ke-19 (MAPPA XIX) di PICC Putrajaya, Perdana Menteri telah mengumumkan pelarasan gaji 15 peratus kepada kumpulan Pelaksana serta Pengurusan dan Profesional manakala tujuh peratus bagi kumpulan pengurusan tertinggi.

Ekoran kenaikan gaji itu, PMX menggesa penjawat awam meningkatkan prestasi selaras dengan kenaikan gaji susulan pelaksanaan Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) yang berkuat kuasa 1 Disember lepas.

Beliau berkata, prestasi cemerlang diperlukan memandangkan rakyat mengharapkan perkhidmatan yang lebih baik daripada sektor awam.

Anwar yang juga Menteri Kewangan menegaskan, kerajaan bersetuju dengan pelaksanaan kenaikan gaji yang bertujuan mengiktiraf kaktangan penjawat awam.

Kenaikan gaji itu juga adalah sesuatu yang adil untuk diberikan namun rakyat sentiasa muhi melihat perubahan pada seluruh sistem perkhidmatan awam sama ada peringkat akar umbi maupun kementerian.

"Seperti yang kita janjikan. Tahniah kepada yang dapat kenaikan, tapi saya hanya mengharapkan, prestasi yang jauh lebih baik kerana rakyat mengharapkan sesuatu yang lebih baik."

"Dan ada beberapa langkah oleh KSN untuk memperkenalkan pembaharuan perkhidmatan awam, saya harap ia mendapat sokongan penuh kerana orang mahu lihat di peringkat



ANWAR menerima buku Kajian Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) Laporan Akhir Fasa 1 daripada Ketua Setiausaha Negara (KSN), Datuk Seri Shamsul Azri Abu Bakar pada MAPPA XIX.

## KENAIKAN GAJI KENA SELARI PRESTASI

akar umbi, di daerahnya, di kementeriannya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan amanat pada Majlis Perhimpunan Bulanan bersama Warga Jabatan Perdana Menteri (JPM), di sini, Isnin lalu.

Di samping kenaikan gaji kaktangan awam, kaktangan swasta juga akan menikmati kenaikan gaji yang sama. Ia dilakukan dengan pendekatan Dasar Gaji Progresif sebagaimana yang telah diumumkan oleh PMX.

Dasar Gaji Progresif (DGP) akan dilaksanakan secara penuh bermula 2025, dengan peruntukan RM200 juta bagi 2025 yang akan memanfaatkan sekitar 50,000 pekerja swasta yang layak.

Menurut Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, kerajaan memberi tumpuan untuk menaikkan gaji pekerja sektor formal melalui tiga kaedah: kenaikan gaji kaktangan awam yang telah berlaku, kenaikan gaji minima dan gaji progresif akan dilaksanakan secara penuh bermula tahun 2025.

Katanya, projek rintis telah dilaksanakan secara bersama oleh Kementerian Ekonomi dan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA)

bermula Jun sehingga Disember 2024 untuk kita mendapatkan pengesahan awal kesan pelaksanaan gaji progresif kepada 1,000 syarikat swasta yang disasarkan.

Menurut Rafizi, hasil daripada projek rintis itu, kesan skim gaji progresif kepada pekerja-pekerja dari syarikat yang turut serta adalah seperti berikut:

Bagi gaji permulaan, pekerja mengalami kenaikan gaji RM250 seorang sebulan, iaitu median gaji progresif RM2,200 berbanding dengan median gaji asal (yang ditawarkan majikan sebelum gaji progresif) sebanyak RM1,950.

Bagi pekerja yang berpengalaman, yang sudah bekerja selama tiga tahun, lima tahun dan sebagainya yang diukur berdasarkan gaji tahunan, peningkatan gaji di bawah skim gaji progresif sebanyak RM200 seorang sebulan, iaitu median gaji progresif RM2,400 berbanding dengan median gaji (sebelum gaji progresif) sebanyak RM2,200 sebulan.

Skim Gaji Progresif ini akan dilaksanakan secara meluas bermula 2025 ini dan kumpulan sasaran yang seterusnya ialah 50,000 orang pekerja swasta yang menjadi kumpulan

seterusnya dan setiap tahun kita berharap dengan kedudukan kewangan yang lebih baik, lebih ramai pekerja swasta yang akan mendapat manfaat, kata Rafizi.

Kenaikan gaji penjawat awam dan swasta sudah tentu diperhatikan oleh orang awam di negara ini. Bagi golongan peniaga, inilah masanya mereka meraikan harga barang dan perkhidmatan mereka.

Ekoran itu, ada yang mendakwa, kos harga barang akan meningkat dengan kenaikan gaji penjawat awam ini.

Kita yakin, kerajaan khasnya Kementerian Ekonomi mengkaji dan menilai dengan terperinci skim gaji penjawat awam dan swasta ini sebelum ia dilaksanakan.

Sudah tentu impak kepada negara dan rakyat keseluruhannya akan dinilai sepenuhnya sebelum ia dilaksanakan.

Semoga kita semua mendapat limpahan rezeki yang melimpah ruah selepas ini dan akan sampai kepada semua orang.

**SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.**

## Larangan guna soket

**BERKUAT** kuasa serta-merta sehingga diberitahu, pengusaha bas diarah menghentikan penggunaan soket elektrik tiga pin dan pengecas USB untuk mengecas peralatan elektronik seperti telefon bimbit dan komputer riba.

Penggantungan dibuat ekoran kematiian seorang remaja ketika mengecas telefon bimbit di dalam sebuah bas ekspres di terminal bas Penang Sentral baru-baru ini. Arah tersebut susulan siasatan yang dijalankan oleh pihak berkuasa.

Menurut Menteri Pengangkutan, Anthony Loke, antara rumusan siasatan ialah pendawaian dilakukan oleh pihak ketiga yang tidak disahkan. Justeru

untuk memastikan keselamatan, arahan menyeluruh diberi kepada semua syarikat pengusaha bas menghenti penggunaan soket tiga pin dan pengecas USB.

Kawan-kawan Kedai Kopi faham penyediaan soket bertujuan memberi kemudahan kepada penumpang ketika dalam perjalanan. Namun apabila berlaku insiden di luar jangkaan, memang wajar penggunaan digantung sementara dan semua prosedur pendawaian diteliti semula.

Pengusaha bas digalakkan menjalankan pemeriksaan teliti pendawaian serta kemudahan di dalam bas oleh pihak yang disahkan dan diakui oleh Suruhanjaya Tenaga.



## Hujan dan air mata


"**HUJAN** yang turun bersama air mata". Ini bait indah dalam lagu Hujan nyanyian penyanyi terkenal, Allahyarham Sudirman Haji Arshad. Sesungguhnya hujan dan air adalah rahmat Allah untuk manusia kerana air amat berguna dalam kehidupan sehari-hari.

Begitulah perlunya kita kepada air, untuk pelbagai tujuan termasuk masak-memasak, basuh membasuh dan sebagainya. Dalam kuantiti yang diperlukan, air adalah kawan. Tetapi apabila hujan tidak berhenti sehingga menyebabkan banjir besar, ia umpsa lawan.

Ketika itulah 'hujan turun bersama air mata'. Ini kerana banjir akibat hujan yang berterusan mendatangkan kesusahan sehingga boleh merugut nyawa. Juga kerosakan tanaman dan harta benda. Kejadian ini semua menyebabkan air mata tumpah.

Seluruh negara kini dilanda banjir, jumlah yang dipindahkan ke pusat penempatan sementara (PPS) mencecah lebih 150,000 orang di seluruh negara.

Oleh itu, waspada menghadapi banjir. Ingat, ia bukan pesta main air. Seandainya diarah berpindah, lakukan segera demi keselamatan.



# ASB terima sijil Anti Rasuah

**SYARIKAT** Asian Supply Base (ASB) Labuan memperoleh pensijilan ISO 37001-2016, Sistem Pengurusan Anti Rasuah oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd baru-baru ini.

Majlis Penerimaan sijil ISO 37001-2016 itu disampaikan Senior Key Account Manager, Ahmad Faizal mewakili SIRIM QAS International kepada Ketua Pegawai Eksekutif ASB, **Datuk Jaafar Estaban** sempena Sambutan Hari Integriti.

Menurut Jaafar, pengiktirafan ini membuktikan komitmen ASB dalam menegakkan integriti dan mematuhi garis panduan tatacara ditetapkan SPRM.

"Penganugerahan ini dapat meningkatkan keyakinan pelanggan serta pihak berkepentingan terhadap ASB."

"Selain itu, ia merupakan komitmen berterusan ASB dalam mempromosikan integriti dan

govenans yang baik," katanya.

Ujarnya, ASB dalam usaha membangunkan Pelan Anti Rasuah (ASB-ACP) melibatkan kerjasama wakil setiap jabatan.

"Pelan ini diharap dapat meningkatkan lagi kecekapan operasi sekali gus memastikan segala urusan dijalankan dengan telus dan bebas dari unsur rasuah selaras dengan keperluan perundangan," katanya. 



**JAAFAR** (dua dari kiri) ketika menerima pensijilan Sistem Pengurusan Anti Rasuah oleh SIRIM.



YWP sentiasa turun padang bagi mendekati masyarakat yang memerlukan.

## Rancang wujud pejabat urusan di Labuan

# YWP MAHU LUAS PERKHIDMATAN

**KHAIRUL IDIN**

**Y**AYASAN Wilayah Persekutuan (YWP) bercadang mahu menubuhkan pejabat urusan di Labuan dalam membantu golongan yang memerlukan.

Menurut Pengurus Jawatankuasa Eksekutif YWP, **Dr Abdul Basir V Kunhimohamed**, hasrat untuk mewujudkan pejabat urusan YWP di Labuan merupakan perancangan yang telah dicadang sejak beberapa tahun lalu, namun ia belum diputuskan susulan beberapa perkara yang perlu dibincangkan.



**ABDUL BASIR**

dilaksanakan sudah tentu ia dapat memberikan kemudahan kepada masyarakat di sini untuk membuat permohonan bantuan yang kita sediakan.

"Bagaimanapun cadangan ini masih dalam perbincangan dan ia belum lagi dapat dimuktamadkan serta perlu mendapat persetujuan daripada Pengurus YWP iaitu Menteri Wilayah Persekutuan, Dr Zaliha Mustafa," katanya kepada Wilayahku.

Mengulas lanjut, Abdul Basir memaklumkan pihaknya kini dalam perancangan untuk membuka beberapa perniagaan berdasarkan potensi yang ada di pulau itu.

"YWP juga sedang merancang untuk meneroka peluang yang ada di sini khususnya dalam bidang perniagaan yang kita lihat berpotensi besar."

"Saya melihat keperluan itu (pejabat urusan) perlu kita wujudkan memandangkan buat masa ini kita belum mempunyai fasiliti itu di sini. Jika cadangan ini

melihat Labuan ini mempunyai potensi tersendiri dan kita akan mengenal pasti perniagaan yang sesuai dilaksanakan kelak," katanya.

Sementara itu, Pengurus Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon Labuan, S. Roslee Matusin menyambut baik cadangan pihak YWP untuk membuka pejabat urusan bagi memudahkan masyarakat dan pihaknya mengadakan urusan secara terus.

"Saya mewakili pihak MPP Zon Labuan amat bersetuju dengan cadangan yang dibawa oleh pihak YWP untuk mewujudkan fasiliti itu (pejabat urusan) memandangkan ketika ini penduduk di sini hanya dapat memohon bantuan YWP secara dalam talian."

"Jika pejabat YWP diwujudkan di Labuan, ia turut memudahkan golongan warga emas dan asnaf untuk berkunjung ke pejabat bagi memohon bantuan yang disediakan oleh YWP."

"Dalam masa sama turut memudahkan pihak MPP berhubung dengan YWP untuk terus memperkasakan mereka yang memerlukan bantuan dari segi pendidikan, ekonomi, sosial, agama dan teknologi," katanya. 

# MAIWP salur RM120 juta bantu asnaf

**MAJLIS** Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah memperuntukkan sejumlah RM120 juta bagi tempoh setahun menerusi 38 skim sedia ada kepada asnaf di pulau bebas cukai ini.

Menurut Pemangku Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Datuk Mohd Nizam Yahya**, meskipun peruntukan yang disalurkan melebihi sasaran kutipan zakat di wilayah itu iaitu sebanyak RM15 juta, pihaknya sentiasa memberikan keutamaan kepada golongan asnaf yang memerlukan bantuan.

Katanya, MAIWP memfokuskan kepada pembangunan asnaf yang mana ia menyediakan bantuan untuk golongan berkenaan di samping memberi dorongan untuk mereka bangkit mengubah nasib tanpa mengharapkan bantuan semata-mata.

"Asnaf belia juga antara yang diberikan perhatian untuk dibangunkan dengan pelbagai program pendidikan dengan jaminan peluang pekerjaan selepas pengajian," katanya pada Lawatan Pengamal Media Labuan ke Menara MAIWP di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Penerangan Labuan Azman Sipan; Timbalan Pengarah Penyiaran Labuan Fauziah Sidek dan Pengerusi Persatuan Penggiat Media Labuan,

Jainuddin Djimin.

Mengulas lanjut, Mohd Nizam berkata pihaknya menzahirkan penghargaan kepada pihak media yang sentiasa membantu MAIWP khususnya dalam menyebarluaskan maklumat dan informasi kepada masyarakat mengenai gerak kerja serta perkhidmatan bantuan yang disediakan bagi memastikan umum mengetahui tindakan serta pelaksanaan yang dijalankan oleh agensi itu.

Katanya, dengan kerjasama yang terjalin itu mampu memberikan impak positif khususnya kepada pihaknya dalam menepis pelbagai tohmannan yang tidak berasas oleh segelintir pihak yang cuba mempertikaikan pengurusan MAIWP dalam pengagihan zakat yang dilaksanakan.

"MAIWP amat berterima kasih kepada media terutamanya kepada Persatuan Media Labuan yang sentiasa memberikan kerjasama yang erat dan membantu MAIWP dalam menjayakan pelbagai majlis, program dan sebagainya."

"Saya mewakili MAIWP berharap kerjasama ini akan terus terjalin agar kedua-dua pihak dapat bersama-sama membantu golongan asnaf yang memerlukan bantuan bukan sahaja di Kuala Lumpur dan Putrajaya malahan di Labuan," katanya. 



**NIZAM** (tengah) menerima plak cenderahati daripada Jainuddin pada Majlis Kunjungan Hormat ke MAIWP.

# Semarak pemikiran baharu anak muda

**FESTIVAL** Idea Putrajaya (Putrajaya FOI) seharusnya menjadi acara tahunan kerana ia mampu menyemarakkan pemikiran baharu, daya cipta dan kreativiti dalam kalangan anak muda.

Menurut Perdana Menteri, **Datuk Seri Anwar Ibrahim**, elemen idea amat penting dalam membangunkan negara seperti yang digagaskan dalam kerangka besar Malaysia MADANI.

"Idea boleh bercambah, boleh berkecamuk, sebab itu penerimaan idea, kupasan idea sangat penting. Ini bermakna idea yang kita bicara adalah kerangka besar yang mempertahankan nilai murni termasuk kemanusiaan dan kebaikan."

"Negara harus membangun dengan idea, kita ungkapkan dalam kerangka besar Malaysia MADANI, maknanya idea pembaharuan. Ada yang mengakar ke bumi iaitu jati diri bangsa, nilai, budaya, bahasa, keyakinan dan kepercayaan agama," katanya ketika berucap pada Majlis Peluncuran Putrajaya FOI.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata idea yang diungkapkan dalam kerangka Malaysia MADANI membawa maksud elemen itu relevan dengan kehidupan sehari-hari.

"Kemampunan kesemua elemen tidak membawa sebarang makna sekiranya tidak diasaskan dengan keyakinan kepada agama, erti kehidupan, kemanusiaan dan nilai luhur."

"Sebab itu idea mesti dipelopori dengan keyakinan dan seperti yang saya selalu ungkapkan, menggapai ke langit. Sebab kita mahu maju maka perlu ada matematik, kalkulus, digital, kecerdasan buatan (AI), perlu bicara soal tenaga baharu. Ini memerlukan percambahan idea."

"Jadi festival ini boleh semarakkan pemikiran baharu, daya cipta dan kreativiti serta daya kritis, apa lagi dalam kalangan anak muda kerana idea tanpa tindakan ibarat pohon tidak berbuah dan idea yang dicetuskan harus tercenna dari hati nurani yang baik," katanya.

Terdapat enam tonggak dalam kerangka Malaysia MADANI yang diperkenal pada 19 Januari 2023 iaitu Kemampunan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan.

Mengulas lanjut mengenai manfaat Putrajaya FOI, Anwar berkata festival yang julung kali diadakan itu mampu mengajak generasi muda dan masyarakat berkongsi pandangan serta pendapat dalam pelbagai bidang.

"Bagi saya, Festival of Idea boleh mengajak anak-anak, masyarakat. Ya, boleh berbeza pendapat, boleh meluahkan, sebaiknya mencurahkan sebanyak mungkin idea, pandangan dalam bidang politik, ekonomi dan geoekonomi tetapi mesti teguh pada landasan."

"Landasan mengangkat martabat dan darjah manusia dengan memupuk nilai supaya setiap rakyat yang tua dan muda, yang tinggal di kota, desa serta pedalaman, setiap orang harus diberi penghormatan dan diiktiraf sebagai warganegara yang mulia dan diangkat martabat," ujarnya.



ANWAR ketika menyampaikan ucptama pada Majlis Peluncuran Putrajaya FOI.

## Platform digital data raya untuk perancangan strategik

# AI PERLU DIGUNA LEBIH MELUAS

SABRINA SABRE

**T**EKNOLOGI kecerdasan buatan (AI) perlu digunakan dengan lebih meluas dalam pengurusan bandar raya.

Timbalan Perdana Menteri, **Datuk Seri Fadillah Yusof** berkata teknologi itu membolehkan komputer dan mesin melaksanakan tugas yang dapat membantu pihak berkuasa tempatan menguruskan pelbagai aspek perbandaran.

"Elemen perbandaran menjana pelbagai jenis data seperti trafik, kualiti alam sekitar, cuaca dan sebagainya."

"Melalui pengumpulan data yang berstruktur dan bersepada, ia boleh menghasilkan pelbagai jenis analisis untuk membantu pihak pengurusan membuat keputusan yang tepat."

"Data-data ini juga dapat digunakan untuk membuat ramalan keadaan bandar sebagai amaran awal terhadap kemungkinan berlakunya kesan negatif terhadap sesuatu pembangunan," katanya dalam Majlis Pelancaran Putrajaya Urban Observatory (PUO) pada Rabu.

Dalam masa sama, beliau berkata pembangunan yang pesat sedikit sebanyak memberi pelbagai kesan sama ada kepada alam sekitar atau kesesakan jalan raya.

"Dengan wujudnya data raya yang bersepada, kesan itu dapat dihindari melalui simulasi dan juga trend menggunakan data terkumpul setiap tahun."

"Saya percaya AI dan Big Data (data raya) akan memberi kesan yang positif kepada rakyat," ujarnya.

Di samping itu beliau berkata teknologi itu dapat meningkatkan kecekapan dan produktiviti dalam membantu pentadbir



FADILLAH mendengar taklimat mengenai pengurusan bandar raya sejurus selepas melancarkan PUO di Putrajaya.

bandar membuat keputusan tepat dan cepat berdasarkan analisis data yang komprehensif demi kesejahteraan masyarakat.

"Pihak kerajaan dan swasta perlu menjalinkan kerjasama dalam memastikan pengurusan serta pembangunan bandar pintar dapat memberi impak kepada rakyat dari pelbagai aspek terutama penjagaan alam sekitar di kawasan perbandaran dan meningkatkan penjanaan tenaga boleh diperbaharui," jelasnya.

PUO merupakan platform digital data raya bagi perkongsian data khusus untuk membolehkan pengumpulan dan analisis

terhadap data-data perbandaran yang dibangunkan oleh Perbadanan Putrajaya (PPj).

PUO mempunyai lebih 200 lapisan data berdasarkan pemetaan geospatial mampu membuat geoanalitik kepada bagaimana data untuk membantu PPj dalam membuat keputusan dan penyelesaian perbandaran yang cepat, tepat dan interaktif terhadap sesuatu pembangunan.

PUO dilancarkan sempena Digital Putrajaya Exhibition and Conference (DIEC 2024) yang berlangsung dua hari (4 dan 5 Disember 2024) dengan tema 'AI and Data Driven Future City'.

## Promosi budaya kitar semula

**SEMPENA** Hari Kitar Semula Kebangsaan, Perbadanan Putrajaya (PPj) mengambil inisiatif menganjurkan Hari Kitar Semula Peringkat Putrajaya dengan kerjasama agensi kerajaan, sektor swasta, komuniti setempat dan badan bukan kerajaan.

Bertemakan Generasi Putrajaya Juara Kitar Semula, Hari Kitar Semula Putrajaya (HKSP) 2024 bertujuan memupuk kesedaran, menggalakkan budaya amalan kitar semula dan memperkuuh komitmen terhadap kelestarian alam sekitar dalam kalangan masyarakat.

Bulan kitar semula telah dilancarkan pada 13 November lalu dan beberapa aktiviti dijalankan antaranya Anugerah Kitar Semula 2024, KITARUN Putrajaya 2024, Pertandingan Seni Kreatif 3R, Pertandingan Rekaan Fesyen 3R, Pertandingan Mewarna Kitar Semula, Bengkel Fabrik Terpakai Berasaskan Denim serta 3R Treasure Hunt.

Menurut Presiden PPj, **Datuk Fadlun Mak Ujud**, pengajuran kali ini memberi fokus kepada pendekatan inovatif dan interaktif untuk mempromosikan budaya kitar semula termasuk pameran teknologi hijau, aktiviti pendidikan, bengkel kreatif dan aktiviti penjualan barang kitar semula.

"Acara ini berperanan sebagai platform menggalakkan kerjasama strategik antara pihak berkepentingan dalam usaha menjadikan Putrajaya bandar hijau yang mampu."

"Sebagai sebahagian daripada agenda pembangunan lestari PPj, HKSP 2024 bertujuan menyokong pelaksanaan Dasar Teknologi Hijau dan Dasar Pengurusan Sisa Negara dengan menyasarkan peningkatan kadar kitar semula serta mengurangkan sisa ke tapak pelupusan," katanya.

Sebagai rekod, cogan kata Generasi Putrajaya Juara Kitar Semula dipilih menggambarkan komitmen dan aspirasi Putrajaya dalam melahirkan masyarakat yang berdaya saing serta bertanggungjawab terhadap kelestarian alam sekitar.

NADSAR pacu ekosistem sukan dron

# LAHIR RAMAI BAKAT BAHARU

SABRINA SABRE

**P**ELAN Hala Tuju Strategik Sukan Dron Negara (NADSAR) diperkenalkan bagi memacu ekosistem pembangunan sukan dron sekali gus melahirkan lebih ramai bakat baharu dalam industri dron yang semakin berkembang di Malaysia.

Exco Belia, Sukan dan Keusahawanan Selangor, **Mohd Najwan Halimi** berkata pelan yang dibangunkan oleh Futurise Sdn Bhd itu menetapkan haluan dan pelaksanaan sukan dron dengan lebih komprehensif termasuk peraturan tertentu yang perlu dipatuhi dalam penggunaannya.

"Penggunaan dron kini berevolusi dalam aktiviti sukan yang bakal menarik minat serta membuka mata masyarakat khususnya golongan muda tentang teknologi tinggi itu."

"Ketika ini ada perlumbaan dron, bola sepak dron dan kita mungkin boleh lihat lebih banyak lagi sukan-sukan dikembangkan daripada dron ini," katanya selepas melancarkan NADSAR serta merasmikan DRIFT 2024: Drone Hub Innovation for Future Talents.

Dalam masa sama, Mohd

Najwan berharap Institut Sukan Negara (ISN) dapat memberi sokongan dalam pembangunan sukan dron yang semakin berkembang di negara ini misalnya dalam sudut penganjuran pertandingan di pelbagai peringkat.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sering mengungkapkan tentang kepentingan untuk kita beradaptasi dengan perubahan teknologi sekarang ini terutama dari segi kecerdasan buatan (AI) dan sebagainya."

"Dron antara satu daripada inisiatif yang boleh kita teroka dan kembangkan lagi, yang penting adalah sejauh mana dron ini boleh memberikan nilai tambah dan manfaat kepada pembangunan anak muda dan negara secara keseluruhan," ujarnya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Futurise Sdn Bhd, Rosihan Zain berkata pengenalan NADSAR penting bagi memastikan semua pihak bekerjasama dalam membangunkan sukan dron di pelbagai peringkat termasuk di sekolah dan universiti.


"Pelan itu menyemarakkan ekosistem sukan dron di Malaysia melalui satu tindakan bersama dengan pihak yang mengawal selia teknologi dron serta badan sukan berkaitan di negara ini."

"(Melalui NADSAR kita) bersama dengan akar umbi khususnya golongan belia untuk memberi pendedahan dan juga latihan supaya mereka dapat menceburkan diri dalam sukan dron," ujarnya.

Beliau berkata pihaknya telah melatih lebih 200 belia mengenai teknologi dron sekali gus menunjukkan perkembangan sukan dron amat menggalakkan.

"Respons mereka sangat memberangsangkan kerana apabila melalui program latihan kami, belia bukan sahaja belajar tentang penerbangan dron tetapi teknologi berkaitan dengan dron contohnya percetakan 3D dan reka bentuk perisian."

"Elemen dalam sukan dron ini dapat menimbulkan minat yang besar untuk mereka lebih terlibat dalam bukan sahaja sukan dron tetapi dalam sektor dron itu sendiri," ujarnya.



PELANCARAN NADSAR sempena DRIFT 2024: Drone Hub Innovation for Future Talents.

## Malaysia bakal jadi hab kejohanan e-sukan

**ESPORTS Integrated (ESI)** dalam perancangan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab kejohanan e-sukan dunia melibatkan bukan sahaja Mobile Legends: Bang Bang (MLBB) malah pelbagai permainan lain pada masa akan datang.

Ketua Pegawai Eksekutif ESI, **Ahmed Faris Amir** berkata ia antara usaha berdasarkan rangka tindakan e-sukan negara bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai fasiliti terbaik sukan itu.

"Secara amnya Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan banyak lagi kementerian seperti Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) serta Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) menyokong penganjuran Kejohanan Dunia MLBB M6."

"Jadi kita akan berusaha supaya Malaysia menjadi destinasi pilihan pertandingan kejuaraan dunia untuk permainan lain berdasarkan sokongan diberikan kepada MLBB tahun ini," ujar beliau.

Malaysia menjadi tuan rumah Kejuaraan Dunia MLBB buat kali kedua bermula 21 November hingga 15 Disember 2024 yang melibatkan 23 pasukan dari pelbagai negara dengan Malaysia diwakili Selangor



AHMED (kiri) bersama Ketua Penerbitan Permainan Malaysia & Singapura MOONTON Games, Graws Wen ketika gimik perasmian Kejohanan Dunia M6.

Red Giants (SRG) serta Team Vamos.

Dalam pada itu, Ketua Pemasaran dan Pembangunan Perniagaan di MOONTON Games, Fikri Rizal Mahruddin berkata pihaknya komited membangunkan ekosistem e-sukan di Malaysia menerusi pelbagai kejohanan dan program yang akan dianjurkan pada masa depan.

"Ada beberapa kejohanan

antarabangsa MLBB bakal dilangsungkan yang kita akan umumkan kelak."

"Selain itu, kita fokus untuk kembangkan ekosistem e-sukan bersama-sama ESI serta KBS dan kita akan ada filem yang diadaptasi daripada perjalanan hidup bekas pemain MLBB terkemuka negara, Muhammad Faris Zakaria atau Soloz," ujarnya.

## Terbit buku braille pertama

**MAJLIS Paralimpik Malaysia (MPM)** melangkah lebih jauh apabila bakal melancarkan buku Braille Jawatankuasa Paralimpik Antarabangsa (IPC) Kod Klasifikasi Atlet khas untuk atlet yang mempunyai masalah penglihatan.

Penerbitan buku itu akan diusahakan bersama Kuala Lumpur Braille yang diasaskan oleh seorang peguam juga bekas Exco MPM, Datuk Mah Hassan Omar selain turut mendapat kerjasama daripada Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta Kementerian Pendidikan.

Presiden MPM, **Datuk Seri Megat D Shahriman Zaharudin** menegaskan buku itu amat penting kepada semua komuniti atlet bermasalah penglihatan bagi memastikan mereka memahami sistem klasifikasi



MEGAT

dengan tepat.

"Masalah penglihatan tertakluk kepada banyak kategori atau klasifikasi yang berbeza untuk pelbagai Sukan Paralimpik. Buku braille ini adalah langkah tepat untuk mereka lebih tahu syarat proses klasifikasi dan kelayakan jenis acara yang mereka boleh tandingi."

"Sebelum ini mereka hanya mendengar taktik klasifikasi tetapi selepas ini semua atlet akan lebih memahami."

"Ia dijangka siap dalam tempoh enam bulan lagi dan buku Braille Kod Klasifikasi ini bakal menjadi yang pertama diterbitkan di Malaysia malah dunia," katanya dalam satu kenyataan.

Buku itu juga akan diedarkan kepada IPC dan Jawatankuasa Paralimpik Kebangsaan negara lain sebagai rujukan."

# ELAK PROVOKASI, FOKUS PERPADUAN

DEEL ANJER

**K**EJADIAN banjir besar yang melanda beberapa negeri baru-baru ini mempunyai hikmah yang tersendiri. Antara yang boleh direnungkan bersama adalah semangat perpaduan yang lahir dalam kalangan masyarakat, di sebalik ujian banjir besar yang melanda.

Perpaduan itu menjadi titik persamaan yang

wajib dipegang dengan penuh tanggungjawab secara bersama tanpa mengira rupa, bangsa, perbezaan agama maupun fahaman politik.

Selain itu, sesiapa sahaja perlu sentiasa berfikir positif dan melatih diri untuk tidak menimbulkan provokasi di atas ujian banjir besar yang melanda.

W

## Jadi medan ujian

**PEPATAH** berat sama dipikul, ringan sama dijinjing menggambarkan perasaan yang dirasai oleh ramai selebriti apabila banjir besar melanda beberapa buah negeri buat masa ini.

Misalnya Biduanita Negara, Datuk Seri Siti Nurhaliza menghantar bantuan banjir ke Kedah menerusi Yayasan Nurjiwa yang diasaskannya bersama suami, Datuk Seri Khalid Mohamad Jiwa.

Begitu juga dengan pempengaruh atau selebriti media sosial Khairul Aming, Syazli dan ramai lagi.

Bagi penyanyi popular **Datin Alyah**, peranan selebriti bukan sahaja sekadar menghibur, malah lebih daripada itu.

“Jika ada yang lihat selebriti peranannya hanya untuk menghiburkan sahaja, pandangan itu silap. Sekarang ramai selebriti peka dan sudi membantu mangsa banjir melalui cara masing-masing.

“Kalau ada yang terikat dengan kerja atau komitmen yang telah dipersetujui awal, mungkin agak sukar untuk mereka turun padang, namun mereka membantu dari segi menghantar tim ke kawasan banjir atau memberikan sumbangan.

“Apa yang penting adalah niat dan hasrat untuk membantu mangsa banjir tercapai. Masing-masing punya cara,” katanya.

Bagi Alyah, antara hikmah apabila berlakunya banjir besar, sedikit sebanyak menjadikan kita sentiasa peka dan cakna dengan masyarakat sekeliling.

“Sebagai manusia, kita perlu ada empati dan semua ini berbalik kepada lumrah hidup. Hari ini mereka diuji, hari lain mungkin kita pula diuji. Hidup memang tak terlepas dari ujian.

“Saya sebak setiap kali tengok mangsa-mangsa banjir dalam media sosial. Kuatnya mereka, saya belum tentu kuat kalau berada di tempat mereka.

“Paling melihat orang tua dan bayi yang menjadi mangsa. Mujurlah ada pihak berkuasa dan pihak-pihak lain yang datang membantu dalam pelbagai cara.

“Pendek kata, banjir ini menguji ikatan persaudaraan kita dan sejauh mana tentang kepedulian kita kepada golongan yang memerlukan,” tambahnya lagi. W



## Elak hakimi orang lain atas ujian melanda

**BAGI** pelakon **Zoey Rahman** pula, persepsi dan tanggapan masyarakat apabila melihat ujian banjir besar perlulah positif.

“Apabila berlaku banjir besar, sama-sama kita bersatu dan saling bekerjasama dalam mengharungi ujian ini. Kaya, miskin, berpangkat atau tidak, semua lalui ujian ini.

“Elakkan menghakimi orang lain atas ujian yang sedang dihadapi. Tak guna nak salahkan pihak sana sini, apa faedahnya. Kita perlu fikirkan cara menangani dan bagaimana menyelesaikan cabaran itu.

“Daripada salahkan orang lain, lebih baik hulurkan bantuan dan tunjukkan rasa simpati kepada mangsa bencana. Maksud

saya, setiap orang mempunyai peranan masing-masing. Boleh turun padang bantu mangsa banjir, beri sumbangan, berdoa dan sebagainya,” ujarnya.

Tambahnya, waktunya ini ramai yang berkongsi tentang banjir dalam media sosial bagi menggalakkan orang ramai memberi sumbangan atau mengajak untuk mendoakan

segala urusan banjir diper mudahkan.

“Mangsa-mangsa banjir juga harus beringat bahawa ujian banjir ini adalah untuk melatih sabar dan Allah hendak meninggikan darjah mereka. Bukan itu sahaja, ujian yang dihadapi juga merupakan sebagai penghapus dosa manusia,” katanya. W



## Beri manfaat kepada rakyat

**AKTRES** jelita, **Rozita Che Wan** akui isu banjir mempunyai hikmahnya tersendiri. Baginya, setiap orang mungkin hanya melihat ujian banjir dari sudut pandangan masing-masing namun sebenarnya ia tersembunyi hikmah yang sangat bernilai.

Menurut isteri kepada pelakon Zain Saidin ini, apa yang berlaku telah mewujudkan semangat perpaduan tanpa mengira kaum atau agama.

“Apabila banjir, sudah tentu kita mempunyai satu matlamat iaitu untuk menyelamatkan nyawa sesama manusia dan harta benda.

“Maka, situasi beginilah yang dapat menyuburkan konsep perpaduan rakyat. Dalam masa yang sama, timbulnya rasa kasih sayang dan penghargaan kepada kerajaan dan mana-mana pihak yang hadir untuk membantu.

“Apabila wujudnya perpaduan di sebalik banjir besar itu, segala bentuk bantuan semasa banjir atau pasca banjir, memberi manfaat kepada rakyat. Sudah tentu ini dapat menguatkan lagi ikatan perpaduan sesama kita,” katanya.

Ujarnya janganlah ada pihak yang sengaja mencetuskan provokasi ketika semangat perpaduan itu sedang kembali dibentuk.

“Pertikaian atau rasa tidak puas hati dalam situasi banjir besar ini sebenarnya memburukkan lagi keadaan.

“Biasalah dalam menyampaikan bantuan, pasti ada kurang atau lebihnya. Iyalah, dalam situasi banjir besar, kadang-kadang terdapat perkara atau isu yang tidak dapat dielakkan atau datang tanpa diduga.

“Dalam keadaan sesetengah masyarakat yang panik, kelam kabut atau emosi kurang stabil, bertenganglah. Janganlah diungkit kekurangan yang ada kerana pihak yang memberi bantuan pasti sudah cuba yang terbaik.

“Kepada yang suka timbulkan provokasi, abaikan sahaja mereka yang mahukan publisiti murahan. Apa yang anda dapat apabila menghasut dan timbulkan kebencian? Bukanlah tidak boleh komen, tetapi biarlah positif agar kita dapat perbaiki kekurangan yang ada,” ujarnya. W





Amalan kronisme, nepotisme perbuatan khianat jeaskan organisasi

## KETEPIHAK ORANG BERHAK

AZLAN ZAMBRY

**A**MALAN kronisme yang mementingkan teman rapat dalam pelantikan sesuatu jawatan mahupun pemberian projek tanpa menilai kelayakan dan pengalaman yang diperlukan merupakan perbuatan khianat dan berisiko menjelaskan sesebuah organisasi.

Dekan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Dr Sarip Adul berkata, kronisme melibatkan pengambilan atau kenaikan pangkat seseorang individu yang tidak semestinya sesuai untuk sesuatu pekerjaan.

"Ia diberikan hanya kerana individu tersebut merupakan kawan atau kenalan seseorang yang mempunyai kedudukan yang berkuasa dan amalan nepotisme, di sebaliknya, melibatkan memberi keutamaan kepada ahli keluarga, tanpa mengira kelayakan atau pengalaman mereka.

"Kedua-dua perkataan sinonim dengan amalan yang melibatkan pilih kasih dan layanan istimewa atau utama terhadap kenalan, rakan atau ahli keluarga dan membuat keputusan bukan berdasarkan merit atau kelayakan," katanya kepada Wilayahku.

Sarip menjelaskan bahawa amalan kronisme sangat merbahaya kerana mengenepekkan hak untuk orang yang berhak dengan melantik orang yang tidak berkelayakan dalam jawatan atau pemberian projek.

"Ia termasuk sebagai perbuatan khianat kerana setiap orang diamanahkan untuk memastikan hanya yang terbaik dibawa masuk ke dalam organisasi atau melaksanakan sesuatu projek berdasarkan merit yang telah ditetapkan oleh organisasi.

"Antara kesan kepada individu kemungkinan pihak yang diberikan jawatan tidak mampu melaksanakan tugas dengan baik kerana diterima bekerja bukan kerana kelayakan tapi kerana kabel orang dalam. Juga boleh melemahkan motivasi pekerja lain kerana tidak diberikan tanggungjawab yang sama sedangkan mereka mungkin lebih berkelayakan," katanya.

Menurut Sarip, Rasulullah SAW telah mengingatkan umatnya tentang bahaya melantik seseorang atas dasar kronisme.



ISU kronisme menyebabkan kehilangan kepercayaan kepada pengurusan organisasi.

"Menurusri sepotong hadis bermaksud: "Sesiapa yang bertanggungjawab melantik Muslim yang lain untuk sesuatu jawatan, tetapi dia melantik melalui cara kecintaan (favoritisme) terhadap seseorang itu, maka laknat Allah ke atasnya." - Riwayat Ahmad (21)

"Meskipun hadis bersanad dhaif, tetapi pengajaran yang dapat diperoleh adalah selari dengan dalil Al-Quran dan hadis-hadis yang lain agar berlaku adil walaupun terhadap ahli keluarga sendiri," katanya.

Beliau menegaskan amalan kronisme dan nepotisme menjadi satu kesalahan jika melantik seseorang itu hanya kerana dia mempunyai hubungan kekeluargaan dan manafikan hak orang lain yang lebih berkelayakan.

Rasulullah SAW dalam pemilihan pemimpin dan pegawai, Baginda memastikan hanya orang-orang yang layak sahaja yang akan dilantik dan diserahkan amanah.

"Baginda SAW bersabda maksudnya: Apabila sesuatu urusan diserahkan kepada bukan ahlinya maka tunggulah kiamat (Riwayat al-Bukhari)," katanya.

Menurut Sarip, setiap organisasi berisiko berdepan kesan negatif pada kakitangan jika

isu kronisme ini tersebar dan mlarat serta menyebabkan kehilangan kepercayaan pada pengurusan organisasi.

"Motivasi pekerja juga akan jatuh dan untuk jangka panjang, prestasi organisasi akan merudum dan hasil kerja yang diterima berada di bawah taraf sepatutnya.

"Antara kesan lain pada organisasi, boleh mewujudkan persekitaran kerja yang toksik, penglibatan pekerja yang rendah dan kadar pusing ganti yang tinggi," katanya.

Menurut Sarip, Rasulullah SAW sangat mementingkan merit dalam pelantikan sesuatu jawatan dan ia selari dengan prinsip Islam sewaktu Khalid al-Walid dilantik sebagai panglima perang.

"Baginda menyebut kelebihan Khalid menerusi sepotong hadis maksudnya: 'Sebaik-baik hamba Allah adalah Khalid ibn al-Walid, sebilang pedang daripada pedang-pedang Allah' (Riwayat al-Tarmizi)," katanya.

Jelas beliau, menerusi hadis berkenaan dapat digambarkan bahawa Rasulullah SAW sangat berpegang kepada merit dalam semua pelantikan hatta jika melibatkan orang terdekat seperti pelantikan Usamah bin Zaid, cucu angkat Baginda untuk mengepalai angkatan tentera memerangi tentera Rom.

"Walaupun peringkat awal kurang dipersetujui oleh beberapa orang sahabat namun Baginda kekal dengan keputusan melantik Usamah kerana Baginda mengetahui

Usamah layak berada di posisi tersebut walau baru berusia 18 tahun.

"Usamah sudah terkenal dengan semangat juang sejak kecil. Pernah menawarkan diri berperang bersama Nabi SAW dalam Perang Uhud, namun permohonannya ditolak kerana usianya terlalu muda. Namun selepas itu Baginda membentarkan Usamah turut serta dalam semua perang yang disertai oleh Rasulullah SAW," katanya.

Dalam pada itu, Sarip menyatakan kaedah yang boleh dilakukan supaya pemilihan dan kenaikan pangkat dalam sesebuah organisasi dilaksanakan berdasarkan kelayakan dan prestasi dengan mewujudkan dasar yang jelas dan telus untuk pengambilan dan kenaikan pangkat.

"Organisasi perlu menetapkan kriteria objektif untuk menilai calon dan memastikan kriteria ini digunakan secara konsisten. Dasar ini harus berdasarkan kriteria yang jelas seperti kemahiran, kelayakan dan pengalaman, bukannya hubungan peribadi.

"Selain itu, organisasi di Malaysia juga boleh menggalakkan ketelusan dan akauntabiliti dengan kerap membuat audit pada prosedur dan pelaksanaan pemilihan pekerja atau kenaikan pangkat yang telah dilaksanakan. Proses ini juga perlu melibatkan pelbagai pihak berkepentingan dalam proses membuat keputusan," katanya.

Tambahnya, strategi lain yang dapat digunakan adalah dengan melaksanakan dasar yang menghalang individu daripada mempunyai konflik kepentingan.

"Perkara ini boleh dicapai melalui mewujudkan peraturan yang melarang kakitangan daripada menerima hadiah atau bantuan individu atau syarikat yang mereka kawal.

"Namun, semua perkara ini terpulang kepada setiap organisasi untuk memutuskan cara menangani isu kronisme dan nepotisme," katanya.

Ujar beliau, budaya atau kes kronisme yang berlaku dalam sesebuah institusi akan merosakkan prestasi sesebuah organisasi dan menyebabkan wujud isu ketidakpercayaan masyarakat terhadap institusi tersebut.

"Sekiranya organisasi tersebut terlibat dengan perniagaan, menjaga reputasi sama penting dengan menjaga pusingan modal. Kedua-duanya penting dalam menjana keuntungan," katanya. 



SARIP ADUL